

LAPORAN TAHUNAN 2011

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah





ISI KANDUNGAN

1

MAKLUMAT KORPORAT

Perutusan Menteri 2 < Laporan Ketua Setiausaha 4 < Carta Organisasi 6 < Anggota Pentadbiran 8 < Pengurusan Tertinggi 9 < Visi, Misi, Moto dan Objektif 14 < Piagam Pelanggan 16

17

TERAS PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Teras 1: Meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti dan ameniti 20 < Teras 2: Membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar 24 < Teras 3: Mempergiatkan pembangunan modal insan di kalangan masyarakat luar bandar 28 < Teras 4: Melonjakkan aktiviti ekonomi dan Industri luar bandar 36 < Teras 5: Memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar 45 < Teras 6: Merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar 50

55

BAHAGIAN-BAHAGIAN KKLW

Bahagian Perancangan Strategik 57 < Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat 63 < Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek 67



69 SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan Maklumat 71 < Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun 75 < Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset 80 < Bahagian Perolehan 83 > Bahagian Pengurusan Sumber Manusia 86 < Unit Audit Dalam 89 < Unit National Key Result Area (NKRA) 91 < Unit Model Baru Ekonomi (MBE) 95 < Unit Ministerial Key Result Area (MKRA) 96 < Unit Perundangan 97 < Unit Komunikasi Korporat 98

101 JABATAN DAN AGENSI KKLW

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 103 < Majlis Amanah Rakyat (MARA) 108 < Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) 116 < Institut Kemajuan Desa (INFRA) 123

129 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) 131 < Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) 141 < Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) 146 < Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) 153

157 LEMBAGA KEMAJUAN TANAH

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) 159 < FELCRA Berhad 166



MAKLUMAT KORPORAT

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



PERUTUSAN MENTERI

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

Di bawah Program Transformasi Kerajaan, Kerajaan telah menetapkan sasaran utama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk menyediakan infrastruktur asas luar bandar iaitu membina dan menaiktaraf jalan luar bandar, membekalkan air bersih dan terawat, menyediakan bekalan elektrik serta membina dan membaikpulih rumah untuk golongan miskin di luar bandar.

Alhamdulillah, pada tahun 2011 iaitu tahun kedua pelaksanaan NKRA, KKLW telah berjaya mencapai sasaran NKRA dengan cemerlang sekali. Pencapaian bagi pembinaan Jalan Luar Bandar adalah 112% (1,013 km), Bekalan Air Luar Bandar 126% (73,227 rumah) dan Program Bantuan Rumah sebanyak 157% (14,365 rumah). Manakala bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar, KKLW telah mencapai sasaran sebanyak 100% (27,004 rumah).

Di samping itu, pada tahun 2011 Kementerian juga telah berjaya menyediakan perancangan strategik pembangunan persekitaran luar bandar secara bersepadu melalui Model Baharu Ekonomi (MBE). Lima inisiatif ekonomi bernilai tinggi yang berdaya maju dan mampu memberi pulangan tinggi kepada penduduk luar bandar telah dikenal pasti iaitu inisiatif tanaman *cassava*, ternakan lembu fidlot berintegrasi baja bio-organik, industri burung walit, tanaman gaharu secara integrasi dan industri rumpai laut. Pelan tindakan kelima-lima inisiatif ini didokumenkan dalam Buku Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB) dan telah dilancarkan pada 5 Mei 2011.

Saya amat berbangga walaupun banyak kekangan dan cabaran, KKLW terus berusaha melaksanakan program dan inisiatif baru seperti *Rural Transformation Programme* (RTP) dan *Rural Transformation Centre* (RTC) serta *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) 3 dan NBOS 4 di samping meneruskan program-program sedia ada bagi memastikan kelangsungan pembangunan masyarakat luar bandar. Inisiatif baharu ini adalah pelaksanaan dua projek model burung walit dalam usaha mengoptimumkan penggunaan tanah dan premis terbiar dan penggunaan teknologi binaan *Industrialize Building System* (IBS) untuk Program Bantuan Rumah (PBR).

Selain itu, Kementerian ini telah menjalin kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melaksanakan program Bekalan Air Masyarakat (BAKAS) melalui Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*). Kerjasama ini berjaya melaksanakan program dengan singkat dan menjimatkan kos.

Syabas dan tahniah kerana Laporan Tahunan 2011 berjaya diterbitkan. Saya yakin Laporan Tahunan 2011 ini memberi manfaat kepada seluruh warga KKLW kerana laporan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan perancangan program masa depan.

Semoga usaha-usaha cemerlang KKLW akan berterusan demi memastikan misi KKLW di dalam "membentuk masyarakat melalui pembangunan desa lestari" dapat diterjemahkan di dalam satu senario masyarakat luar bandar yang maju dan berpendapatan tinggi dengan tidak meninggalkan nilai-nilai positif kedesaan.

"Komuniti Berdaya Desa Berjaya"

Lima inisiatif ekonomi bernilai tinggi yang berdaya maju dan mampu memberi pulangan tinggi kepada penduduk luar bandar telah dikenal pasti iaitu inisiatif tanaman cassava, ternakan lembu fidlot berintegrasi baja bio-organik, industri burung walit, tanaman gaharu secara integrasi dan industri rumpai laut.



DATU' SERI HJ. MOHD SHAFIE BIN HJ. APDAL
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

LAPORAN KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menerima peruntukan sebanyak RM12,858,975,010.00 pada tahun 2011 bagi melaksanakan program/projek pembangunan luar bandar. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM4,638,354,000.00 atau 36.07% disediakan untuk Bajet Mengurus. Manakala bagi Bajet Pembangunan, KKLW telah menerima peruntukan sebanyak RM8,220,621,010.00 atau 63.93%. Dari segi perbelanjaan, KKLW telah berjaya membelanjakan sejumlah RM4,640,593,258.64 atau 100.05% daripada jumlah Belanja Mengurus (iaitu Dasar Sedia Ada sebanyak RM3,746,905,877.96 atau 100.16% dan RM893,687,380.68 atau 99.60% adalah perbelanjaan bagi Dasar *One-Off*), dan sebanyak RM8,197,586,532.92 atau 99.72% daripada bajet pembangunan.

Pencapaian utama program KKLW sepanjang tahun 2011 adalah ditunjangi oleh Program *National Key Result Area* atau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Program NKRA telah diperuntukkan sebanyak RM6,613,091,300.00 dan telah mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM6,591,434,541.00 (99.7%). KKLW melalui Program Jalan Luar Bandar (JALB) telah membelanjakan sebanyak RM2,804,021,227.00 bagi membina dan menaik taraf jalan sepanjang 1,013km. Bagi Bekalan Air Luar Bandar (BALB), sebanyak RM1,940,691,939.00 telah dibelanjakan untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat kepada 73,227 rumah. Manakala untuk Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), sebanyak RM1,346,789,999.00 telah dibelanjakan dan berjaya membekalkan elektrik kepada 27,004 buah rumah.

Pencapaian utama program KKLW sepanjang tahun 2011 adalah ditunjangi oleh Program *National Key Result Area* atau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).



DATO' IBRAHIM BIN MUHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan
Luar Bandar dan Wilayah

Dalam usaha memperkukuh sistem penyampaian, Pelan Strategik ICT KKLW 2011 telah disediakan bertujuan untuk memastikan hal-hal pengurusan ICT di KKLW/Jabatan/Agensi selari dengan *ICT Strategic Planning* (ISP) Sektor Awam. Sepanjang tahun 2011, KKLW telah membelanjakan sebanyak RM4,180,000.00 bagi pelaksanaan program dan pembangunan prasarana ICT KKLW. Dalam menyokong khidmat pengurusan Kementerian, sebanyak lima sistem aplikasi secara *online* telah dibangunkan iaitu Sistem Pemantauan dan Pengurusan Latihan Kementerian (SPPL), Sistem Semak Kontrak (e-SK), Sistem MAKSPEN, Sistem Latihan Dalam ICT (e-latihan) dan Sistem *Helpdesk*.

Selain itu, KKLW telah berjaya mengekalkan penarafan lima bintang bagi laman webnya berdasarkan kadar pematuhan yang paling tinggi iaitu 93% daripada 700 laman web agensi awam yang dinilai oleh *Malaysian Government Portals and Website Assessment* (MGPWA).

KKLW turut terlibat dengan interaksi antarabangsa melalui Mesyuarat *Executive Committee Afro-African Rural Development Organization* (AARDO) - *Special Session* yang telah diadakan di New Delhi, India pada 16 dan 17 Mei 2011. Selain itu, KKLW juga menghadiri *5th Centre on Integrated Rural Development for Asia and The Pacific* (CIRDAP) *Regional Policy Dialogue* dan *18th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council* yang telah diadakan di Tehran, Iran dari 12 hingga 16 Disember 2011.

KKLW telah menyertai Mesyuarat ke-7 Menteri-Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN yang telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 2 hingga 3 November 2011. Antara agenda penting Mesyuarat ke-7 AMRDPE adalah untuk membincangkan *Framework Action Plan on Rural Development and Poverty Eradication* bagi tahun 2011 hingga 2015 serta cadangan penubuhan Unit Khusus Pemantauan di bawah Sekretariat ASEAN yang telah dikemukakan oleh Malaysia.

Penganjuran Karnival Usahawan Desa 2011 (KUD 2011) yang telah diadakan pada 21 hingga 25 September 2011, adalah yang paling berjaya setakat ini. Kejayaan ini dilihat dari segi jumlah pengunjung, jumlah jaringan perniagaan dan jumlah kutipan keuntungan oleh usahawan desa semasa KUD 2011. KUD 2011 merupakan landasan untuk mempromosi usahawan luar bandar dalam skala besar yang telah berjaya menarik penyertaan seramai 500 orang usahawan. KUD 2011 telah berjaya mencapai RM1,440,000.00 transaksi jualan tunai, RM3,590,000.00 nilai tempahan, 1,215 jaringan perniagaan (*business networking*) dan 500,000 orang pengunjung.

Pada tahun 2011, KKLW telah berjaya menubuhkan Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB). MPLB ini adalah inisiatif KKLW melalui Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) iaitu sebuah majlis yang memastikan penglibatan dan kerjasama pemimpin setempat di luar bandar secara holistik demi memastikan pembangunan masyarakat luar bandar dilaksanakan.


Saya amat berbangga dengan prestasi cemerlang KKLW ini kerana meskipun pada tahun 2011 KKLW terlibat secara langsung dengan aktiviti mega sama ada di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, namun KKLW telah juga berjaya melaksanakan transformasi sistem penyampaian perkhidmatannya, khususnya di dalam pematuhan tempoh bayaran 14 hari daripada tarikh bil-bil diterima dan berjaya menyelesaikan aduan sebanyak 96% daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun 2011. Selain itu, KKLW berjaya menduduki carta teratas di dalam ujian panggilan telefon yang dilakukan terhadap semua kementerian oleh pihak Biro Pengaduan Awam.

Kementerian akan terus memberikan komitmen padu dalam membangunkan masyarakat luar bandar sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

"Komuniti Berdaya Desa Berjaya"

CARTA ORGANISASI

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



TIMBALAN MENTERI

YB Dato' Hasan
bin Malek

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA SOSIOEKONOMI (SE)

PTD GRED UTAMA B

YBhg. Dato' Haji Yussoff
bin Dohab

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR

PTD GRED UTAMA C

Tuan Hj. Ahmad Zubir bin Abd. Ghani

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

PTD GRED UTAMA C

Encik Nik Abd Kadir bin Nik Mohamad

BAHAGIAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PTD GRED M54

Encik Mohamad bin Abdullah

BAHAGIAN TEKNIKAL

JURUTERA AWAM GRED J54

Encik Ir. Razani bin Ab. Lazid

BAHAGIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH

PTD GRED M54

Encik Ahmad bin Sulaiman

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

KP PTD GRED UTAMA B

YBhg. Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayan

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

PTD GRED UTAMA C

YBhg. Dato' Mohd Sani bin Mistam

INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA)

PTD GRED M54

Tuan Hj. Mohd Shafie bin Jusoh

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH (LKW)

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

PB GRED UTAMA C

YBhg. Dato' Mohd Arpan bin Shari

LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)

PB GRED UTAMA C

Tuan Hj. Wan Mat Amin Wan Daud

LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)

PB GRED UTAMA C

Encik Azizan bin Md Rais

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

PB GRED UTAMA C

Encik Mohd Arshad bin Ismail

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH (LKT)

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

KP GRED UTAMA B

YBhg. Dato' Wan Mohamad Zuki bin Mohamad

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH PERSEKUTUAN (FELCRA) BERHAD

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

YBhg. Dato' Hj. Juzilman bin Basir

ANGGOTA PENTADBIRAN

2 **TIMBALAN MENTERI**
YB Datuk Joseph
Entulu Anak Belaun

1 **MENTERI**
YB Dato' Seri Hj. Mohd
Shafie Hj. Apdal

3 **TIMBALAN MENTERI**
YB Dato' Hasan
bin Malek



PENGURUSAN TERTINGGI

- 1 KETUA SETIAUSAHA**
YBhg. Dato' Ibrahim bin Muhamad
- 2 TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA DASAR (D)**
YBhg. Dato' Nursiah binti Arshad
- 3 TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA SOSIOEKONOMI (SE)**
YBhg. Dato' Haji Yusoff bin Dohab
- 4 SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN KHIDMAT PENGURUSAN (KP)**
Puan Zaniah binti Ahmad



**BAHAGIAN PENGUPAYAAN
KOMUNITI DAN INFODESA** 1

Encik Mohd Rasdi
bin Ag Lah

**BAHAGIAN PELABURAN
DAN ANAK SYARIKAT** 2

Encik Zaidul Bakri
bin Haji Abdul Mutalib

**BAHAGIAN
PERANCANGAN
STRATEGIK** 3

Puan Hjh Zainon
binti Md Nasir

**BAHAGIAN
PENGUPAYAAN EKONOMI** 4

Encik Zazali bin Salehudin



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA** 1

Encik Abd Shukur
bin Mahmood

**BAHAGIAN PENGURUSAN
MAKLUMAT** 2

Encik Ishak bin Endan

BAHAGIAN PEROLEHAN 3

Encik Ahmad Zahidi
bin Awang

**BAHAGIAN PENTADBIRAN
DAN PENGURUSAN ASET** 4

Encik Kamaruzaman
bin Umar

**BAHAGIAN KEWANGAN,
BELANJAWAN DAN AKAUN** 5

Encik Mohd Jamalludin
bin Kasbi





- 1 **BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK**
Encik Nik Abd Kadir bin Nik Mohamad
- 2 **BAHAGIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH**
Encik Ahmad bin Sulaiman
- 3 **BAHAGIAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**
Encik Mohamad bin Abdullah
- 4 **BAHAGIAN INFRASTRUKTUR**
Tuan Haji Ahmad Zubir bin Abd Ghani
- 5 **BAHAGIAN TEKNIKAL**
Encik Ir. Razani bin Ab. Lazid
(Tiada dalam gambar)

- 1 **UNIT NATIONAL KEY RESULT AREA (NKRA)**
Encik Hasnan bin Hassan
- 2 **UNIT AUDIT DALAM**
Puan Swaibatul Aslamiah binti Haji Husain
- 3 **UNIT PERUNDANGAN**
Cik Zurina binti Mohd
- 4 **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
Encik Meor Hafizan bin Abdul Ghani



- 1 **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)**
YBhg. Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayan
- 2 **JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)**
YBhg. Dato' Mohd Sani bin Mistam
- 3 **INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA)**
Tuan Haji Mohd Shafie bin Jusoh
- 4 **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**
YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH (LKW)

- 1 **LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**
YBhg. Dato' Mohd Arpan bin Shari
- 2 **LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)**
Tuan Haji Wan Mat Amin bin Wan Daud
- 3 **LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)**
Encik Azizan bin Md Rais
- 4 **LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)**
Encik Mohd Arshad bin Ismail

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH (LKT)

- 1 **PIHAK BERKUASA KEMAJUAN
PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN
GETAH (RISDA)**
YBhg. Dato' Wan Mohamad Zuki
bin Mohamad
- 2 **LEMBAGA PENYATUAN DAN
PEMULIHAN TANAH PERSEKUTUAN
(FELCRA) BERHAD**
YBhg. Dato' Hj. Juzilman bin Basir



➤ VISI KKLW

“Membentuk masyarakat melalui pembangunan desa lestari”



➤ OBJEKTIF KKLW

- Peningkatan pendapatan penduduk desa ke tahap 80% daripada penduduk bandar menjelang 2020.
- Mewujudkan desa berkualiti (Desa Q) menjelang 2016.
- Mewujudkan 30% penduduk desa terlibat dalam aktiviti keusahawanan menjelang 2020.
- Mewujudkan masyarakat berilmu dan berkemahiran.
- Mempercepatkan pelaksanaan konsep dan program pembangunan bersepadu.
- Meningkatkan kesejahteraan masyarakat desa.
- Mencapai liputan 100% prasarana asas, utiliti dan infrastruktur menjelang 2020.
- Membantu menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.8%.
- Meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan di luar bandar.
- Meningkatkan pembangunan jalan di kawasan luar bandar dan lain-lain kawasan kurang membangun.

- **MISI KKLW** Menjana komuniti luar bandar yang progresif melalui pemerksaan modal insan, infrastruktur dan ekonomi berdaya saing dalam persekitaran lestari
- **MOTO KKLW** Komuniti Berdaya Desa Berjaya



- Meningkatkan liputan bekalan elektrik bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak kepada 95% dan di Semenanjung Malaysia kepada 99.9% menjelang tahun 2013.
- Meningkatkan liputan bekalan air bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak kepada 90% dan di Semenanjung Malaysia kepada 98% menjelang tahun 2013.
- Memastikan semua kawasan 30 km radius dari pusat bandar/pekan mendapat liputan infrastruktur 100% menjelang 2016.
- Meneruskan usaha merapatkan jurang digital dan meningkatkan penembusan perkhidmatan internet jalur lebar (*broadband*) melalui Pelan Jalur Lebar Negara.
- Memastikan pengagihan seimbang peluang-peluang bermutu yang dapat menjana pendapatan, pekerjaan, perniagaan dan pendidikan ke seluruh pelusuk negara.

PIAGAM PELANGGAN

KKLW komited untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar dengan piagam seperti berikut:

PIAGAM PELANGGAN 2011

Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas

1. Melaksanakan Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) tidak melebihi 12 bulan dari tarikh waran dikeluarkan;
2. Melaksanakan Projek Ameniti Sosial (PAMS) tidak melebihi 12 bulan dari tarikh milik tapak;
3. Melaksanakan Projek Lampu Jalan Kampung (LJK) tidak melebihi 12 bulan dari tarikh kontrak ditandatangani;
4. Melaksanakan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) tidak melebihi 18 bulan dari tarikh kontrak ditandatangani;
5. Melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi projek alternatif dan retikulasi tidak melebihi 12 bulan (dari projek loji 18-24 bulan dari tarikh kontrak ditandatangani);
6. Melaksanakan Projek Jalan Luar Bandar (JALB) tidak melebihi 36 bulan dari tarikh milik tapak; dan
7. Melaksanakan Projek Pembangunan Infrastruktur Bersepadu dalam Program Pemajuan Kawasan (PPK) dalam tempoh 18-24 bulan dari tarikh milik tapak.

Pembasmian Kemiskinan

1. Melaksanakan Program Bantuan Rumah (PBR) Bina Baru dalam tempoh lima (5) bulan dan Baik Pulih dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh kelulusan *Focus Group* Daerah memuktamadkan senarai penerima bantuan;
2. Mengeluarkan Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) dari garis kemiskinan tegar melalui projek Agropolitan dalam tempoh satu (1) tahun selepas ladang komersial berhasil.

Pembangunan Modal Insan

1. Melaksanakan latihan pengurusan desa kepada 5,000 pemimpin institusi luar bandar setahun;
2. Menyediakan pendidikan pra sekolah kepada 210,000 kanak-kanak setahun;
3. Menyediakan Pendidikan Awal Kanak-kanak (TASKA) kepada 5,000 kanak-kanak setahun;
4. Menyediakan latihan kemahiran peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM/Diploma) kepada 500 peserta setahun;
5. Memperkasa Modal Insan Luar Bandar melalui pendidikan *non-formal* kepada 50,000 komuniti luar bandar setahun;
6. Memutuskan kelulusan permohonan pinjaman pelajaran MARA tidak lebih daripada 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima;
7. Memberi pembiayaan kewangan kepada pelajar-pelajar Orang Asli dalam tempoh dua (2) minggu selepas permohonan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) diluluskan.

Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar

1. Melaksanakan program latihan dan bimbingan keusahawanan kepada sekurang-kurangnya 5,000 orang usahawan setahun;
2. Melaksanakan dan menyertai ekspo dan pameran keusahawanan sekurang-kurangnya 10 kali setahun;
3. Memberi kelulusan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) tidak melebihi 18 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima;
4. Memutuskan kelulusan permohonan pembiayaan perniagaan MARA tidak lebih daripada 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima;
5. Melabur dalam perniagaan strategik yang dapat menjana pulangan 6% setiap tahun.

TERAS PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah






TERAS PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

Matlamat Kerajaan untuk membangunkan masyarakat luar bandar merangkumi pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan telah dipertanggungjawabkan kepada KKLW. Melalui visi dan misi KKLW, banyak usaha perlu dilaksanakan untuk membangunkan masyarakat luar bandar selaras dengan Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar (FSBPLB) yang bermatlamat menjadikan luar bandar sebagai satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan dengan masyarakatnya yang progresif, sejahtera dan cemerlang dengan mengambil kira kepentingan untuk melindungi dan memulihara alam sekitar.

Bagi mencapai hasrat tersebut, penetapan hala tuju pembangunan perlu dirancang dengan rapi agar dapat mengubah atau mentransformasikan masyarakat luar bandar melalui peningkatan dari segi pendidikan, pengetahuan, kemahiran, nilai moral dan etika supaya dapat bersaing dalam bidang ekonomi, perniagaan, perindustrian, teknologi maklumat dan sebagainya. Pelaksanaan program/projek pembangunan untuk masyarakat luar bandar akan mengupayakan proses tranformasi masyarakat tersebut agar setanding dengan masyarakat bandar dalam pelbagai aspek dan ianya selaras dengan Teras Kedua dan Teras Ketiga Misi Nasional iaitu untuk menangani ketidakseimbangan sosio ekonomi secara berterusan.

Bagi tempoh 2011, dalam usaha mempergiatkan pembangunan kawasan dan masyarakat, beberapa perubahan polisi dan pemantapan strategi pelaksanaan program/projek telah dibuat bagi memastikan pelaksanaan program/projek luar bandar membawa impak positif yang besar kepada masyarakat luar bandar. Penerangan berhubung dengan perubahan polisi dan pemantapan strategi, pencapaian pelaksanaan dan perancangan masa hadapan adalah berdasarkan kepada enam (6) teras seperti **Rajah 1** berikut:


Rajah 1: Enam Teras PLB



Peruntukan dan Prestasi Kewangan 2011 Mengikut Teras

Pada tahun 2011, peruntukan program pembangunan mengikut teras KKLW adalah sebanyak RM8,220,621,000.00 seperti Carta 1.

Carta 1: Peruntukan Mengikut Teras Bagi Tahun 2011



TERAS 1 Meningkatkan Liputan dan Kualiti Prasarana Asas, Utiliti dan Ameniti

Teras ini menekankan hasrat Kerajaan di dalam menyediakan infrastruktur asas kepada penduduk di kawasan luar bandar yang sempurna dan mencukupi selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Kapasiti penduduk luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2020 dijangka akan bertambah kepada 11.38 juta orang. Oleh itu, penyediaan infrastruktur asas secara lebih menyeluruh di kawasan luar bandar akan terus dipertingkatkan pelaksanaannya supaya masyarakat di luar bandar dapat hidup dalam keadaan sejahtera dan harmoni serta mampu untuk berdaya saing seiring dengan wawasan negara ke arah mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan melalui KKLW telah melancarkan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi meningkatkan liputan penyediaan infrastruktur asas kepada semua lapisan masyarakat luar bandar. Tumpuan diberikan dengan menambahbaik dan menaik taraf rangkaian jalan luar bandar dan menyediakan bekalan elektrik 24 jam serta bekalan air bersih dan terawat untuk memastikan kualiti hidup masyarakat luar bandar lebih baik seiring dengan masyarakat di kawasan bandar.

Kementerian juga akan terus melaksanakan projek-projek penyediaan infrastruktur asas luar bandar di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Dalam memastikan masyarakat luar bandar juga dapat menikmati kemudahan prasarana dan utiliti asas, empat (4) program utama telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. Program Jalan Luar Bandar/Jalan Perhubungan Desa
- ii. Program Bekalan Air Luar Bandar
- iii. Program Bekalan Elektrik Luar Bandar
- iv. Program Ameniti Sosial

Peruntukan dan Pencapaian

Secara keseluruhan, KKLW telah menerima peruntukan sebanyak RM6,178,718,318.00 di bawah teras ini dan telah berjaya membelanjakan RM6,141,055,947.00 atau 99.39%. Prestasi pelaksanaan program mengikut agensi adalah seperti **Jadual 1**.


Jadual 1: Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan KKLW 2011

AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
Bahagian Infrastruktur (BI)	6,115,851,300.00	6,094,263,165.00	99.65
Bhg. Tanah dan Wilayah (TW)	17,026,200.00	17,026,200.00	100.00
KESEDAR	11,808,000.00	10,928,503.00	92.55
KETENGAH	9,847,818.00	6,041,811.00	61.66
KEJORA	15,785,000.00	7,793,355.00	49.37
KEDA	1,400,000.00	1,400,000.00	100.00
FELCRA BERHAD	7,000,000.00	3,602,913.00	51.47
JUMLAH	6,178,718,318.00	6,141,055,947.00	99.39

Program-program Utama di Bawah Bahagian Infrastruktur

Bahagian Infrastruktur KKLW merupakan penyumbang utama dalam pelaksanaan program/projek infrastruktur asas luar bandar sepertimana ditunjukkan di **Carta 2**.

Carta 2: Peruntukan dan Perbelanjaan Bahagian Infrastruktur



* prestasi perbelanjaan sebelum diaudit.

Program Jalan Luar Bandar (JALB) dan Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD)

i. Program JALB

Pelaksanaan Program JALB ini adalah bagi menyediakan kemudahan jalan menghubungkan antara bandar-bandar kecil dan pusat-pusat penempatan. Di bawah NKRA tahun 2010-2012, Kementerian telah mensasarkan pembinaan jalan luar bandar sepanjang 2,527 km bagi seluruh negara serta mencapai liputan 100 peratus kampung yang berada lima (5) km dari jalan sedia ada di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2011, peruntukan sebanyak RM2,708,030,100.00 telah disediakan untuk membina dan menaik taraf JALB. Sepanjang 635.43 km JALB telah berjaya disiapkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan perbelanjaan sebanyak RM2,691,834,518.28 seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Prestasi Pelaksanaan Projek JALB Tahun 2011

KAWASAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	LIPUTAN(KM)
Semenanjung Malaysia	861,955,100.00	860,712,134.39 (99.86%)	238.69
Sabah	1,046,971,000.00	1,039,828,578.90 (99.32%)	261.67
Sarawak	799,104,000.00	791,293,804.99 (99.1%)	135.07
JUMLAH	2,708,030,100.00	2,691,834,518.28 (99.4%)	635.43

ii. Jalan Perhubungan Desa (JPD)

Jalan Perhubungan Desa (JPD) bertujuan menyambungkan di antara sebuah kampung dengan kampung yang lain atau menghubungkan dengan jalan besar serta dapat memberi kemudahan perhubungan kepada pusat-pusat kesihatan/klinik, sekolah, masjid/surau, pasar, pusat-pusat riadah serta kemudahan awam yang lain. Pada tahun 2011, JPD telah diperuntukkan sebanyak RM112,204,000.00 dengan sebanyak RM112,185,177.88 telah dibelanjakan bagi pembinaan jalan sepanjang 644.55 km seluruh negara seperti mana di **Jadual 3**.

Jadual 3: Prestasi Pelaksanaan JPD Tahun 2011

KAWASAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	LIPUTAN(KM)
Semenanjung Malaysia	73,754,000.00	73,744,983.38 (99.99%)	434.15
Sabah	18,650,000.00	18,640,194.50 (99.95%)	161.75
Sarawak	19,800,000.00	19,800,000.00 (100%)	48.64
JUMLAH	112,204,000.00	112,185,177.88 (99.99%)	644.55

iii. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih agar tahap kesihatan dan kualiti hidup masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan. Bekalan air melalui kaedah retikulasi dan juga alternatif seperti graviti feed dan telaga tiub. Pada tahun 2011, peruntukan berjumlah RM1,946,067,200.00 telah dibelanjakan untuk melaksanakan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan KKLW telah berjaya menyediakan bekalan air bersih dan terawat kepada 73,227 buah rumah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Prestasi Pelaksanaan BALB Tahun 2011

KAWASAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	LIPUTAN (Bil. Rumah)
Semenanjung Malaysia	515,697,200.00	515,631,327.40 (92.93%)	35,770
Sabah	737,490,000.00	732,256,829.96 (68.52%)	19,225
Sarawak	626,410,000.00	626,391,531.17 (66.97%)	18,232
Alternatif	35,730,000.00	35,672,250.38 (99.83%)	
JUMLAH	1,977,827,200.00	1,946,067,200.00 (98.4%)	*73,227

*Catatan: Tidak termasuk liputan kaedah alternatif yang dianggarkan sebanyak 17,000 buah rumah.

iv. Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

Program BELB meliputi kaedah sambungan talian grid, kaedah alternatif seperti solar hibrid dan mikro hidro serta pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) dalam memastikan kesediaan bekalan elektrik yang mencukupi dan terjamin kepada penduduk-penduduk khususnya di luar bandar. Pada tahun 2011, Program BELB telah diluluskan peruntukan sebanyak RM1,346,790,000.00 dengan prestasi perbelanjaan sebanyak RM1,346,789,998.07. Sebanyak 27,004 buah rumah telah menerima kemudahan elektrik seperti **Jadual 5**.

Jadual 5: Prestasi Liputan Pelaksanaan BELB Tahun 2011

KAWASAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	LIPUTAN (Bil. Rumah)
Semenanjung Malaysia	82,000,000.00	81,999,999.04 (99.99%)	6,713
Sabah	693,790,000.00	693,789,999.04 (99.99%)	8,248
Sarawak	571,000,000.00	570,999,999.99 (99.99%)	12,043
JUMLAH	1,346,790,000.00	1,346,789,998.07 (99.99%)	27,004

vi. Program Ameniti Sosial (PAMS)

PAMS mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) iaitu sejak tahun 2002 yang bertujuan untuk melengkapkan prasarana sosial di kawasan luar bandar supaya ia seimbang dengan pertumbuhan ameniti sosial di kawasan bandar. Program ini memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan pengurusan desa dan pendidikan seperti membina kompleks komuniti desa, dewan orang ramai, balai raya dan kemudahan riadah/rekreasi.

Selain itu, projek sanitasi luar bandar juga dilaksanakan di bawah program ini untuk memastikan penduduk di kampung-kampung dapat menikmati kemudahan perawatan kumbahan individu yang lebih baik setaraf dengan penempatan di bandar. Pada tahun 2011, PAMS telah diluluskan peruntukan berjumlah RM2,500,000.00 bagi melaksanakan sambungan Projek Kompleks Komuniti Desa di Negeri Sembilan.

TERAS 2 Membasmi Kemiskinan Tegar dan Mengurangkan Separuh Kadar Kemiskinan Luar Bandar

Berikutan kejayaan besar kerajaan dalam membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2010, langkah seterusnya pada tahun 2011 adalah lebih kepada memastikan program-program yang dilaksanakan dapat mengurangkan kebarangkalian wujudnya kumpulan miskin tegar yang baharu. Pada masa yang sama, Kerajaan juga komited untuk meningkatkan punca pendapatan isi rumah 40% terendah tanpa mengira kaum, latar belakang atau lokasi, melalui program bina pendapatan dan bina upaya, mengukuhkan jaringan keselamatan sosial dan menangani keperluan kumpulan kurang bernasib baik.

Walaupun tahun 2011 merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), pelbagai usaha perlu diperhebatkan untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan insiden kemiskinan keseluruhan kepada 2.0% menjelang tahun 2015. Usaha ini seterusnya disokong dan diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan projek-projek berimpak besar yang dilaksanakan semasa rancangan pembangunan sebelum ini seperti Projek Agropolitan yang telah terbukti memberikan sumbangan besar kepada anjakan ekonomi para peserta. Antara program-program yang terdapat di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar KKLW adalah seperti berikut:

1. Program Bantuan Rumah (PBR);
2. Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB);
3. Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial Orang Asli; dan
4. Program Peningkatan Pendapatan.

Program Bantuan Rumah (PBR)

PBR merupakan salah satu program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang dikawal selia oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR). Pada tahun 2011, Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan salah satu program *Big Win* dalam tempoh 2010 - 2012 dengan sasaran menyediakan 50,000 unit rumah. Pelaksanaan program ini telah melibatkan pelbagai bahagian, jabatan dan agensi KKLW termasuk Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW), Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) dan GIATMARA sebagai pelaksana. Selain itu, melalui pelaksanaan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 3 (NBOS3), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga turut terlibat dalam melaksanakan PBR di seluruh negara.

Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB)

Projek Agropolitan merupakan entiti utama di bawah program ini yang dilaksanakan bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan luar bandar melalui peningkatan pendapatan dan mengeluarkan mereka terus daripada garis kemiskinan di samping mempercepatkan pembangunan kawasan-kawasan mundur, terpencil dan terbiar. Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah (BTW) telah diberikan tanggungjawab bagi memastikan projek tersebut dilaksanakan dengan jayanya.

Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial Orang Asli

JAKOA telah melaksanakan amanah bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli melalui projek pembangunan ladang, kursus keusahawanan dan pelbagai insentif kepada bakal usahawan dan yang telah menceburkan diri dalam perniagaan kecil-kecilan. Di samping program pembangunan ekonomi, program sosial seperti penyediaan rumah, infrastruktur, kemudahan awam dan bantuan makanan juga dilaksanakan untuk membantu masyarakat Orang Asli menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Program Peningkatan Pendapatan

Program ini bertujuan untuk menyediakan bantuan kepada golongan miskin tegar yang produktif bagi menjalankan projek-projek ekonomi untuk meningkatkan pendapatan mereka. Bantuan yang diberikan adalah berbentuk mesin, peralatan, bahan mentah, premis/ bengkel dan kursus pra-pelaksanaan projek serta bimbingan. Hasil daripada program ini adalah peserta-peserta yang terlibat berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing.

Rancangan Pelaksanaan

Sejumlah RM406,727,300.00 telah diperuntukkan bagi membiayai pelaksanaan program dan projek pembasmian kemiskinan dalam tahun 2011. Pecahan agihan peruntukan dan perbelanjaan mengikut agensi dan program adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6: Agihan Peruntukan dan Perbelanjaan Program-Program Pembasmian Kemiskinan 2011

AGENSI/ BAHAGIAN	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Bhg. Kesejahteraan Rakyat	SPKR	300,000,000.00	300,000,000.00
BTW	Lonjakan Mega Luar Bandar	100,072,300.00	100,072,300.00
JAKOA	Pembangunan Ekonomi	1,255,000.00	1,255,000.00
	Pembangunan Sosial	5,000,000.00	5,000,000.00
KESEDAR	Peningkatan Pendapatan	400,000.00	400,000.00
	JUMLAH	406,727,300.00	406,727,300.00

Pelaksanaan SPKR

Pelaksanaan SPKR bagi tahun 2011 hanya melibatkan satu (1) program iaitu Program Bantuan Rumah (PBR) dengan jumlah peruntukan yang diluluskan sebanyak RM300,000,000.00. Tahun 2011 juga merupakan tahun kedua KKLW melaksanakan projek-projek *Rural Basic Infrastructure* (RBI) di bawah NKRA dan PBR adalah merupakan salah satu daripada empat (4) program RBI. Berdasarkan kepada perancangan asal tahun 2011 sebanyak 9,146 unit rumah akan dibina. Sehingga penghujung 2011 sebanyak 14,365 unit rumah telah berjaya disiapkan. Pecahan terperinci sasaran dan pencapaian pelaksanaan PBR mengikut wilayah bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7: Pelaksanaan PBR Berbanding Sasaran NKRA Tahun 2011

BIL.	NEGERI	SASARAN NKRA			PENCAPAIAN NKRA		
		BINA BARU	BAIK PULIH	JUMLAH	BINA BARU	BAIK PULIH	JUMLAH
1.	Semenanjung	1,618	918	2,536	1,134	6,284	7,418
2.	Sabah	2,345	449	2,794	2,765	219	2,984
3.	Sarawak	1,729	2,087	3,816	1,408	2,555	3,963
	JUMLAH	5,692	3,454	9,146	5,307	9,058	14,365

Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Lain

Maklumat ringkas mengenai pelaksanaan projek-projek Agropolitan, program-program pembangunan masyarakat Orang Asli dan peningkatan pendapatan adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8: Pelaksanaan Projek Agropolitan dan Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli

PROGRAM	AGENSI	PERIHAL PELAKSANAAN
Lonjakan Mega Luar Bandar	BTW	Program bersepadu dengan mengintegrasikan tiga (3) komponen utama pembangunan, iaitu: <ol style="list-style-type: none"> (i) Komponen ekonomi melibatkan pembangunan ladang sejahtera (getah atau kelapa sawit); (ii) Komponen infrastruktur asas melibatkan perumahan, jalan, bekalan air dan elektrik serta kemudahan awam seperti dewan dan surau; dan (iii) Komponen modal insan melibatkan kursus-kursus perubahan sikap, keusahawanan dan latihan kemahiran.
Pembangunan Masyarakat Orang Asli	JAKOA	Melibatkan dua (2) program utama iaitu: <ol style="list-style-type: none"> (i) Program Pembangunan Ekonomi dengan sub-sub program seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Program Pembangunan Ekonomi Negeri b. Program Pengembangan (Kursus) c. Program Bimbingan Usahawan d. Program Pembinaan Ruang Niaga e. Program Bantuan Input Pertanian (ii) Program Pembangunan Sosial dengan sub-sub program seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Program Bantuan Rumah (PBR) b. Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam c. Program Bantuan Makanan d. Program Kos Pengangkutan Pelajar Ke Sekolah e. Program Insentif Wang Saku Pelajar f. Program Kurang Zat Makanan

Nota: Maklumat lanjut, sila rujuk Laporan JAKOA.



Prestasi Pencapaian

Analisis mengikut pelaksanaan program di bawah teras pembasmian kemiskinan, menunjukkan bahawa prestasi perbelanjaan bagi tahun 2011 telah mencapai tahap 100%. Ia menunjukkan bahawa program ini telah memberi manfaat dan berjaya disampaikan kepada kumpulan sasar. Bantuan unit perumahan yang lebih baik dan selesa telah disediakan kepada seramai 14,365 keluarga miskin dan miskin tegar di seluruh negara atau 157.06% iaitu melebihi sasaran asal 9,146 unit yang telah ditetapkan. Prestasi pencapaian yang baik ini adalah merupakan hasil kerjasama yang jitu antara agensi-agensi Kementerian dan juga agensi Kerajaan Negeri dalam mengkoordinasikan program dan projek pembasmian kemiskinan.

LAWATAN KERJA PERDANA MENTERI KE PROJEK STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN 3 (NBOS3)
DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI TANJUNG SEPAT, KUALA LANGAT, SELANGOR PADA 16 NOVEMBER 2011



PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR) DI BAWAH STRATEGI LAUTAN BIRU
KEBANGSAAN 3 (NBOS 3) OLEH ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)



TERAS 3 **Mempergiatkan Pembangunan Modal Insan di Kalangan Masyarakat Luar Bandar**

Pembangunan modal insan merupakan satu agenda penting untuk melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif untuk menggunakan setiap peluang dan sumber sedia ada ke arah kualiti hidup yang lebih baik. Dengan mengambilkira konsep pembelajaran sepanjang hayat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KKLW untuk membangunkan potensi masyarakat luar bandar bermula dari peringkat pra sekolah hinggalah ke peringkat lepasan persekolahan yang merangkumi pembelajaran formal dan non formal. Di bawah teras ini, sebanyak tiga (3) program utama menjadi tumpuan dalam pelaksanaan program serta projek agensi-agensi yang bernaung di bawah KKLW iaitu Program Kemahiran, Program Pendidikan serta Program Pembangunan Sosial dan Institusi.

Program Kemahiran

Pelbagai program kemahiran dilaksanakan oleh agensi-agensi melibatkan kumpulan sasar masing-masing pada tahun 2011.

KEMAS

Program Kemahiran Jahitan

- Mula diperkenalkan pada tahun 1969.
- Tujuan: latihan jahitan kepada masyarakat luar bandar untuk meningkatkan pendapatan keluarga.
- Peruntukan: RM990,000.00
- Dikendalikan oleh 529 Pemaju Masyarakat
- Bidang Kemahiran Jahitan di 422 bengkel jahitan di seluruh negara.

Kursus Diploma Perguruan Malaysia

- Tujuan: Mempertingkatkan profesionalisme guru-guru Tabika KEMAS melalui peningkatan taraf kelayakan guru seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan pra sekolah KEMAS agar setanding dengan program pra sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- Dijalankan secara sepenuh masa (KSM) dan Kursus Dalam Cuti (KDC) yang kebiasaannya disertai oleh guru-guru Tabika.
- Dilaksanakan di 25 buah Institut Pendidikan Guru (IPGM) seluruh negara.

MARA

- Pengambilan pelajar di 12 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) dan 10 buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm).

- Pengambilan pelajar di 223 buah pusat GIATMARA di seluruh negara.

JAKOA

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

- Dua program: program pengetahuan serta kemahiran asas dan program kemahiran automotif.

- Tujuan: menghasilkan tenaga kerja mahir dari kalangan belia/beliawanis Orang Asli serta membimbing pelatih agar melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

INFRA**Kursus Pembangunan Pegawai Penilai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)**

- Tujuan: meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kepada tenaga pengajar yang bertindak sebagai Pegawai Penilai program SKM Homestay.
- Pelaksanaan: 6 siri kursus.

Bengkel Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)

- Kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- Tujuan: menyediakan garis panduan bagi menyediakan modul/kurikulum kursus SKM Pengurusan Desa.
- Pelaksanaan: 7 siri kursus dengan perbelanjaan sebanyak RM63,956.40.

KESEDAR**Program Latihan dan Kemahiran**

- Peruntukan: RM1,800,000.00
- Perbelanjaan: RM1,795,890.00 (99.78%)
- Melibatkan 3 projek:
 - Belia dan Beliawanis (latihan jahitan pakaian, elektrik, teknologi maklumat, masakan, kecantikan dan mekanik pembuatan).
 - Latihan Keusahawanan (Kursus Asas Perniagaan dan Keusahawanan, Pengurusan

Akaun dan Kewangan serta Pengurusan Pemasaran).

- Kemudahan Latihan KESEDAR.

Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

- Tujuan: Meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran supaya mampu mendapat pekerjaan atau dapat mengusahakan perniagaan sendiri yang boleh meningkatkan pendapatan dan mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.
- Perbelanjaan: RM1,778,270.00
- 12 jenis PLKK.

RISDA**Latihan Formal Pekebun Kecil**

- Empat (4) jenis latihan (Latihan Formal Teknikal, Keusahawanan, Kemahiran dan Bina Insan).
- 6,443 latihan
- Perbelanjaan: RM2,759,525.92

Latihan Non Formal Pekebun Kecil

- 57,099 latihan.
- Perbelanjaan: RM1,720,397.50

Latihan Keusahawanan

- 18 kursus
- Perbelanjaan: RM382,781.00

Latihan Kemahiran

- 14 kursus
- Perbelanjaan: RM3,030,621.00

Latihan Bina Insan

- 19 kursus
- Perbelanjaan: RM347,641.88

KEDA**Program Pembangunan Latihan**

- Dilaksanakan di Pusat Latihan KEDA (PUSTIKA)
- Tiga (3) aktiviti utama:
 - Kursus Kemahiran Vokasional
 - lima (5) komponen

- Kursus Pembangunan Jangka Pendek - Sembilan (9) kursus
- Menaiktaraf Pembangunan Pusat Latihan dan Kawasan - 13 projek
- Perbelanjaan: RM2,400,000.00

Secara keseluruhan, agensi-agensi telah melaksanakan pelbagai program kemahiran yang telah memberi manfaat kepada seramai 859,433 orang peserta seperti **Rajah 2**.

Rajah 2: Pelaksanaan Program Kemahiran Pada 2011

AGENSI	PROGRAM	BIL. PESERTA
KEMAS	Latihan Kemahiran Jahitan	12,345
KEMAS	Kursus Diploma Perguruan	3,143
MARA (IKM/KKTM)	Latihan Kemahiran	6,059
MARA (IKM/KKTM)	Kursus Kemahiran	19,612
JAKOA	Kursus Jahitan Pakaian	35
JAKOA	Kursus Teknologi Automotif	16
INFRA	Kursus Pegawai Penilai Sijil Kemahiran Malaysia	15
INFRA	Bengkel NOSS	15
KESEDAR	Latihan Kemahiran Belia dan Beliawanis	200
KESEDAR	Latihan Keusahawanan	200
KESEDAR	Latihan Kemahiran dan Kerjaya	278
RISDA	Latihan Formal Pekebun Kecil	192,219
RISDA	Latihan <i>Non-Formal</i> Pekebun Kecil	623,000
KEDA	Kursus Kemahiran Vokasional & Pembangunan Jangka Pendek	956
KEDA	Kursus Menaiktaraf Pembangunan Pusat Latihan dan Kawasan	1,340

Program Pendidikan

- **KEMAS**

Pembangunan modal insan di bawah program pendidikan juga dilaksanakan oleh pelbagai agensi berdasarkan kumpulan sasar masing-masing. Pelaksanaan program pendidikan KEMAS meliputi peringkat pra sekolah melalui Tabika dan Taska. KEMAS telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek di bawah sub NKRA pra sekolah. Bagi mencapai sasaran sub NKRA tersebut, KEMAS perlu mewujudkan 2,500 buah kelas Tabika dalam tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2010 hingga 2012 seperti dalam **Jadual 9**.

Jadual 9: Sasaran dan Pencapaian Kelas Tabika KEMAS

TAHUN	SASARAN (UNIT)	PENCAPAIAN (UNIT)
2010	500	500
2011	1000	1150
2012	1000	Sedang dilaksanakan

Kanak-kanak yang mengikuti kelas-kelas Tabika dididik oleh Pemaju Masyarakat Tabika dan Pembantu Pemaju Masyarakat Tadika.

Selain kelas Tabika, KEMAS juga mengendalikan kelas Taska yang mendidik kanak-kanak melalui Pemaju Masyarakat Taska. KEMAS telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM771,250.00 melalui kos Geran Perkapita Taska KEMAS.

- **MARA**

Program pendidikan MARA merangkumi dua (2) peringkat iaitu Program Pendidikan Menengah di 45 buah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Pendidikan Tinggi melalui Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan kampus cawangannya, German Malaysian Institute (GMI), Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM). MARA menawarkan pelbagai peringkat pendidikan daripada sijil, diploma hinggalah ijazah pertama melalui Program Pendidikan Tinggi. Pada tahun 2011, pengambilan pelajar seramai 17,674 orang melalui program ini telah meningkat sebanyak 31.38% berbanding 13,453 orang pelajar pada tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh pembukaan Kampus UniKL MITEC di Pasir Gudang dan pertambahan kursus-kursus yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi MARA. Pengambilan pelajar pra universiti seramai 2,300 orang bagi tahun 2011 juga telah meningkat sebanyak 9.47% berbanding tahun sebelumnya.

- **JAKOA**

Pada tahun 2011, JAKOA telah menerima peruntukan sebanyak RM29,100,000.00 untuk memajukan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli bermula daripada Taska sehingga ke peringkat pendidikan tinggi dalam dan luar negara. Di bawah program ini, JAKOA telah diperuntukkan sebanyak RM2,281,780.00 menerusi Skim Bantuan Galakan Pendidikan (basiswa) kepada 408 pelajar Orang Asli di IPTA di seluruh negara. JAKOA juga telah melaksanakan program pendidikan lain seperti Karnival Pengajian Tinggi Negara - "Jom Masuk U" yang telah diadakan pada bulan Mac hingga April 2011 di pelbagai lokasi pilihan di seluruh Malaysia untuk pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM. Program ini merupakan program tahunan bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- **KESEDAR**

KESEDAR telah melaksanakan program pendidikan melalui Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP). Program ini bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi peserta miskin tegar yang mengikuti kursus peningkatan pencapaian akademik bagi membolehkan mereka memperolehi tahap pendidikan yang lebih tinggi. Pelaksanaan Program PKP bagi tahun 2011 adalah menggunakan baki peruntukan tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM218,718.00. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan sepenuhnya bagi melaksanakan Kursus Strategi Belajar bagi pelajar-pelajar UPSR, PMR dan SPM.

- **KETENGAH**

KETENGAH pula telah melaksanakan Program Modal Insan dan Pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan daripada aspek kerohanian, kemahiran dan latihan serta kecemerlangan pendidikan di wilayahnya. Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah dibelanjakan sepenuhnya untuk melaksanakan program ini.

- **KEJORA**

KEJORA telah diberikan peruntukan sebanyak RM300,000.00 untuk melaksanakan tiga (3) program utama iaitu Program Gerak Gempur, Program Kecemerlangan dan Program Khidmat Sosial Pendidikan. Pelaksanaan program ini melibatkan kerjasama daripada pelbagai sekolah, jabatan dan agensi untuk memastikan peningkatan kecemerlangan pendidikan dan sahsiah pelajar di dalam wilayahnya.

Program Gerak Gempur merupakan program utama bagi Program Pembangunan Pendidikan sekolah-sekolah di dalam wilayah KEJORA. Kaedah pelaksanaan program ini adalah secara kelas intensif bagi subjek-subjek utama dan program pembangunan sahsiah pelajar. Pelaksanaan program ini melibatkan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah dengan perbelanjaan sebanyak RM150,000.00.

Secara keseluruhan, pelaksanaan program pendidikan oleh agensi-agensi telah memberi manfaat kepada seramai 299,621 orang seperti di **Rajah 3**:

Rajah 3: Pelaksanaan Program Pendidikan Pada Tahun 2011

KEMAS	<ul style="list-style-type: none"> • 1,150 buah Tabika dan 317 buah Taska • 224,681 kanak-kanak (218,816 di Tabika & 5,865 di Taska) • 10,510 Pemaju Masyarakat (PM) - 9,599 PM Tabika & 911 PM Taska • 1,325 Pembantu Pemaju Masyarakat Tabika
MARA	<ul style="list-style-type: none"> • 15,279 pelajar MRSM - 7,289 pelajar menengah rendah dan 7,990 pelajar menengah tinggi • 17,674 pelajar peringkat sijil, diploma dan ijazah pertama • 2,300 pelajar pra universiti
JAKOA	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan sebanyak RM29.1 juta - majukan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli dari tahap Taska hingga pengajian tinggi dalam dan luar negara. • 408 pelajar terima Skim Bantuan Galakan Pendidikan (Biasiswa). • 514 sertai "Jom Masuk U". • 2,300 pelajar pra universiti
KESEDAR	<ul style="list-style-type: none"> • 480 pelajar mengikuti Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP).
KETENGAH	<ul style="list-style-type: none"> • 4,000 pelajar dan 15,000 penduduk mengikuti Program Modal Insan dan Pendidikan.
KEJORA	<ul style="list-style-type: none"> • 3,380 pelajar sekolah rendah dan 4,070 pelajar sekolah menengah mengikuti Program Pembangunan Pendidikan.

Program Pembangunan Sosial dan Institusi

Program Pengupayaan Gerakan Daya Wawasan (PPGDW)

Program Pengupayaan Gerakan Daya Wawasan (PPGDW) merupakan program pembangunan modal insan melalui pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan di kawasan luar bandar. Pelaksanaan program ini adalah berteraskan kepada gerakan untuk memperkasakan penduduk desa dengan tiga (3) daya utama iaitu daya manusia, daya ekonomi dan daya pasaran. Maklumat kewangan dan fizikal aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah program ini adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10: Prestasi Kewangan dan Fizikal PPGDW Tahun 2011

AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM) (%)	BILANGAN SIRI/KAMPUNG	BILANGAN PESERTA
Konvensyen Pembangunan Modal Insan Peringkat Luar Bandar	675,000.00	648,700.00 (96.1%)	44	13,131
Hari Keluarga Wawasan	225,000.00	150,000.00 (66.7%)	6	400
Hari Komuniti 1Malaysia	160,000.00	160,000.00 (100%)	2	240
Sistem e-GDW	46,540.50	46,540.50 (100%)	3,071	-
Anugerah Desa Cemerlang (ADC) Peringkat Daerah	1,500,000.00	1,281,962.60 (85.5%)	534	-
JUMLAH	2,606,540.50	2,287,203.10 (87.7%)	3,657	13,771


Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP)

JKKK/JKKKP merupakan organisasi penting di peringkat akar umbi yang bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan bagi memastikan kesinambungan pembangunan di kampung-kampung dapat dilaksanakan. Antara fungsi JKKK/JKKKP adalah seperti berikut:

- Merancang dan melaksanakan pelan pembangunan kampung ke arah mewujudkan kampung yang maju, menarik dan menguntungkan.
- Merancang dan memantau pelaksanaan program-program pembangunan di kampung.
- Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, progresif dan mengamalkan nilai-nilai murni, melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, menyebarkan dasar-dasar dan aspirasi kerajaan serta merangsang penyertaan aktif masyarakat dalam proses perubahan dan pembangunan.

Pada tahun 2011, sebanyak RM246,973,313.45 telah dibelanjakan untuk bayaran elaun bulanan dan elaun mesyuarat kepada 15,507 JKKKP/JKKK (3,187 orang JKKKP dan 12,320 orang JKKK). Bilangan JKKK/JKKKP seluruh negara adalah seperti di **Carta 3**.

Carta 3: Perjawatan JKKK dan JKKKP Mengikut Negeri Tahun 2011



- **KEMAS**

KEMAS telah melaksanakan dua (2) program iaitu Program Kelas Bina Insan dan Program *Literacy Education For Adult Skill* (LEADS). Program Kelas Bina Insan dilaksanakan dengan menggunakan modul Kurikulum Bina Insan yang mempunyai lima (5) bidang iaitu Kecemerlangan Diri, Kekeluargaan, Sosial, Kesihatan dan Ekonomi. Sebanyak 1,811 program telah dikendalikan oleh 263 Pemaju Masyarakat Bina Insan dan 164 orang Penyelia Bina Insan di seluruh negara. Program LEADS dilaksanakan bertujuan untuk menyokong dasar kerajaan dalam membasmi buta huruf di kalangan golongan dewasa khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

- **INFRA**

INFRA merupakan nadi kepada modal insan luar bandar memainkan peranan dalam melaksanakan program seperti berikut:

- **Bengkel Pelan Tindakan Desa (PTD)** - memberi pendedahan berkaitan konsep dan penyediaan PTD dan menggalakkan penglibatan aktif penduduk dalam merancang bagi melaksanakan pembangunan kampung.
- **Kursus Perancangan dan Pengurusan Kewangan** - mendidik cara-cara menguruskan kewangan peribadi, kaedah simpanan kewangan yang betul, tip-tip pembelian polisi insuran dan gaya hidup yang stabil.
- **Kursus Pengurusan Masjid** - memberi pengetahuan mengenai fungsi dan peranan masjid serta aspek pengurusan masjid dan surau.
- **Kursus Kepimpinan Belia Desa** - melatih belia supaya mendukung usaha-usaha perubahan pentadbiran dan pembangunan setempat serta berkebolehan untuk merancang, melaksana dan menilai program pembangunan setempat.

- **Kursus Pengurusan Institusi Berasaskan ICT** - memberi pendedahan kemahiran asas menggunakan perisian komputer untuk diadaptasi dalam tugas seharian, menghasilkan persembahan dalam bentuk multimedia dengan menggunakan perisian *Microsoft Powerpoint* dan meningkatkan kemahiran menggunakan kemudahan internet.
- **Kursus Pengurusan Pembangunan Desa (Koperasi)** - meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mewujudkan koperasi.
- **Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Kampung (Ketua Kampung, Pengerusi dan Setiausaha JKKK)** - meningkatkan komitmen kepimpinan akar umbi untuk membantu Kerajaan membangunkan kawasan luar bandar serta memberi pendedahan tentang prosedur dan tatacara pelaksanaan program yang dilaksanakan oleh kerajaan khususnya yang berkaitan dengan KKLW.
- **Kursus Peningkatan Profesional Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP)** - memberi kefahaman tentang Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar dan Gerakan Daya Wawasan.
- **Kursus Kepimpinan Desa** - membina kecemerlangan serta jati diri dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang baik serta melahirkan belia yang berakhlak mulia selari dengan kehendak Islam sebagai Khaira Ummah kepada pemimpin-pemimpin persatuan belia desa.

Secara keseluruhan, agensi-agensi telah melaksanakan pelbagai program pembangunan sosial dan institusi yang telah memberi manfaat kepada seramai 52,343 orang peserta seperti **Rajah 4**:

Rajah 4: Pelaksanaan Program Pembangunan Sosial dan Institusi Pada Tahun 2011

AGENSI	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PESERTA
KEMAS	Kelas Bina Insan		41,849
KEMAS	LEADS	487,500.00	750
INFRA	Bengkel PTD	267,372.00	803
INFRA	Kursus Perancangan & Pengurusan Kewangan	5,943.00	122
INFRA	Kursus Pengurusan Masjid	96,635.00	171
INFRA	Kursus Kepimpinan Belia Desa	16,380.00	36
INFRA	Kursus Pengurusan Institusi Melalui ICT	106,108.00	183
INFRA	Kursus Pengurusan Pembangunan Desa	17,760.00	30
INFRA	Kursus Pengurusan & Pentadbiran Kampung	82,140.00	202
INFRA	Kursus Peningkatan Profesional JKKKP	600.00	96
INFRA	Kursus Kepimpinan Desa	36,410.00	101
KETENGAH	Gerakan Daya Wawasan	200,000.00	8,000

TERAS 4 Melonjakkan Aktiviti Ekonomi dan Industri Luar Bandar

Bagi melonjakkan aktiviti ekonomi dan industri luar bandar, KKLW telah memberi fokus kepada program pembangunan ekonomi luar bandar secara menyeluruh dengan matlamat meningkatkan daya saing dan menggalakkan penglibatan dalam bidang pertumbuhan baru. Pelaksanaan program-program pembangunan ekonomi adalah berdasarkan tiga (3) strategi seperti **Rajah 5** berikut:

Rajah 5: Strategi Program Pembangunan Ekonomi KKLW

STRATEGI 1 Pembangunan Infrastruktur Perniagaan

PROGRAM

- Infrastruktur Perniagaan
- Satu Daerah Satu Industri (SDSI)
- Pertanian Komersial dan Pelancongan Desa

STRATEGI 2 Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan Keusahawanan

PROGRAM

- Latihan Keusahawanan
- Bimbingan Usahawan
- Pemasaran dan Promosi

STRATEGI 3 Pembiayaan Perniagaan

PROGRAM

- Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)
- Skim Pembiayaan MARA

Program Infrastruktur Perniagaan (PIP)

• BAHAGIAN PENGUPAYAAN EKONOMI

Tujuan utama PIP adalah menyediakan kemudahan infrastruktur perniagaan seperti gerai, bengkel dan kilang bagi meningkatkan pendapatan dan produktiviti perniagaan masyarakat luar bandar. Program ini dilaksana melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri/Agensi KKLW iaitu KKLW menanggung kos pembinaan bangunan manakala Kerajaan Negeri/Agensi KKLW akan menyediakan tapak projek dan penyelenggaraan premis. Dengan itu usahawan kecil dan sederhana Bumiputera luar bandar dapat menjalankan operasi perniagaan di premis yang lebih selesa, bersih, teratur, strategik dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan industri dengan kadar sewa yang rendah.

Pada tahun 2011, peruntukan sebanyak RM2,680,000.00 telah disediakan untuk melaksanakan PIP; RM2,280,000.00 daripada Akaun Amanah Lembaga Kemajuan Wilayah iaitu untuk membiayai Bina Baru dan Baik Pulih 50 premis perniagaan di bekas kawasan DARA dan LKWJ di Pahang dan RM400,000.00 telah disalurkan oleh UPE, JPM untuk membina satu unit kilang di Melaka. Senarai projek tersebut adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11: Pecahan Projek Program Infrastruktur Perniagaan (PIP) Tahun 2011

BIL.	PROJEK	BILANGAN PROJEK	PREMIS PERNIAGAAN (UNIT)	PERUNTUKAN RM (JUTA)
1	Baik Pulih Bengkel/gerai	5	22	0.51
2	Bina Baru Kilang	1	1	0.40
3	Bina Baru Bengkel	3	5	0.50
4	Bina Baru Gerai	9	23	1.27
JUMLAH		18	51	2.68

MARA juga menyediakan infrastruktur perniagaan seperti kemudahan ruang niaga/ruang kilang untuk disewa seperti **Rajah 6** berikut:

Rajah 6: Kemudahan Ruang Niaga/Ruang Kilang MARA



Pada tahun 2011, terdapat penambahan sebanyak 29 projek (6.47%) berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, bilangan lot kosong juga telah dapat dikurangkan kepada 1.66%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh penerusan dasar penyediaan premis kepada usahawan Bumiputera melalui pembelian dan pembinaan baru serta melalui pembangunan semula premis-premis perniagaan sedia ada. KEDA telah membelanjakan sepenuhnya peruntukan sebanyak RM1,800,000.00 untuk melaksanakan Projek Pembangunan Usahawan dan Perkhidmatan melibatkan projek menaik taraf empat (4) unit bengkel industri untuk memenuhi taraf Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan persijilan halal bagi pemprosesan dan pemasaran produk-produk hasil pertanian termasuk bekalan tiga (3) unit mesin untuk pengeluaran asas tani. Manakala KEJORA sebanyak RM300,000.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek bantuan ekonomi dan kursus kemahiran seperti kursus ternakan ayam daging, kursus fertigasi, kursus Inap Desa dan kursus tarian tradisional.

- **PROGRAM SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI)**

SDSI bertujuan untuk mengengahkan produk/perkhidmatan supaya lebih bersifat komersial, dikembangkan daripada perusahaan yang berasaskan *family-based* kepada konsep pengilangan *factory concept* iaitu beroperasi secara berterusan dengan pengeluaran yang dihasilkan adalah secara besar-besaran. KKLW membantu usahawan SDSI melalui pembinaan bengkel/kilang pengusaha, kemudahan mesin dan peralatan pemprosesan, latihan, pembangunan dan penyelidikan produk serta promosi dan pemasaran. Pada tahun 2011, penekanan dibuat kepada bimbingan dan pemantauan ke atas lima (5) pengusaha sedia ada seperti berikut:

- Projek Kraf Tangan Berasaskan Daun Kayu Getah di Kampung Garok, Selama, Perak.
- Projek Pusat Kraf Tangan Orang Asli Mah Meri di Kampung Sg Bumbun, Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor.
- Projek Manik Seramik di Kampung Long Tuma, Lawas, Sarawak.
- Projek Kraf Kayu Julau, Sarikei, Sarawak.
- Projek Kraf Kayu Rumah Panjang Rami, Sg. Meradong, Sarawak.

- **PROGRAM PERTANIAN KOMERSIAL DAN PELANCONGAN DESA**

Objektif utama program ialah bagi menyediakan kemudahan sokongan perniagaan seperti dewan, wakaf, astaka, pintu gerbang dan landskap. Penilaian outcome telah dilaksanakan ke atas tiga (3) projek pelancongan desa seperti **Rajah 7** berikut:

Rajah 7: Penilaian *outcome* Program Pertanian Komersial dan Pelancongan Desa

Penilaian *Outcome* Keberkesanan Program

1. *Homestay* Kuala Medang, Kuala Lipis, Pahang
2. *Homestay* Darul Islam, Kg. Belimbing, Pedawan, Sarawak
3. *Homestay* Sg. Ara, Kota Tinggi, Johor

Hasil Penilaian

Kemudahan infrastruktur gunasama yang disediakan KKLW memberi keselesaan kepada pelancong - menyumbang kepada peningkatan antara 56.6% - 116.6% kehadiran pelancong

PROGRAM LATIHAN KEUSAHAWANAN

Program Latihan Keusahawanan KKLW dilaksana sejak Rancangan Malaysia Ke Enam (RMKe-6). Beberapa penambahbaikan dari segi pendekatan dan jenis kursus yang ditawarkan telah dilakukan supaya program ini menepati objektif dan keperluan semasa program iaitu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan luar bandar dalam bidang pengurusan perniagaan, kemahiran serta kualiti produk dan perkhidmatan. Program latihan keusahawanan ini memberi pendedahan dan pengetahuan dari aspek pengurusan perniagaan, pemasaran produk, kualiti produk dan perkhidmatan serta produktiviti pengeluaran kepada usahawan luar bandar seperti di **Rajah 8**:

Rajah 8: Program Latihan Keusahawanan



Program Latihan Keusahawanan meliputi latihan peringkat asas dan pertengahan, latihan kemahiran, teknologi makanan, teknologi pertanian dan latihan peningkatan kualiti dilaksanakan melalui kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), SIRIM Berhad, *Entrepreneurship Research and Support Centre* Universiti Teknologi Mara (ERSC,UiTM) dan Institut Pembangunan Keusahawanan serta Koperasi Universiti Utara Malaysia (CEDI,UUM) di **Jadual 12**.

Jadual 12: Program Latihan Keusahawanan Tahun 2011

BIL.	PROGRAM LATIHAN	INSTITUSI PELAKSANA	SIRI	BILANGAN PESERTA
1.	Kursus Pengurusan Kewangan (Lanjutan)	UUM	3	77
2.	Kursus pengurusan Pemasaran (Lanjutan)	UUM	3	78
3.	Kursus Pengurusan Operasi dan Pentadbiran Perniagaan	ERSC,UITM	3	70
4.	Kursus Sistem Rekod Kewangan Berkomputer	ERSC,UITM	1	21
5.	Kursus Pemprosesan Hasil Bakeri Lanjutan	MARDI	1	29

BIL.	PROGRAM LATIHAN	INSTITUSI PELAKSANA	SIRI	BILANGAN PESERTA
6.	<i>Good Hygiene Practices</i> (GHP) Dalam Industri Pemprosesan Makanan	MARDI	2	51
7.	Ke Arah Penghasilan Makanan Halal	MARDI	3	65
8.	Kursus Rekacipta Laman Web Bisnes	SIRIM (RND)	4	56
9.	Kursus Rekacipta Laman Web Bisnes Lanjutan	SIRIM (RND)	3	42
10.	Kursus ' <i>Advance Workshop</i> ' Peningkatan Kualiti Produk Melalui Pembungkusan	SIRIM (DNE)	5	133
11.	Kursus Teknologi Reka Bentuk Pembangunan Jenama dan Korporat Identiti	SIRIM (DNE)	5	149
12.	Kursus Teknologi Reka Bentuk Pembangunan Pembungkusan - Kreatif dan Inovasi	SIRIM (DNE)	4	91
13.	Kursus Pembungkusan & Pemesrosan Setempat	SIRIM (DNE)	2	34
14.	Kursus Amalan Pengilangan Baik (GMP)	SIRIM (DNE)	3	58
15.	Kursus Peningkatan Kualiti Pembungkusan & Peningkatan Kualiti Jenama	SIRIM (DNE)	3	58
JUMLAH			47	1,058

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM LATIHAN PENINGKATAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN TAHUN 2011



Kursus Teknologi Rekabentuk Pembangunan Jenama



Kursus Pemprosesan Hasilan Bakeri



Kursus *Advance Workshop* Peningkatan Kualiti



Kursus Peningkatan Pembangunan Jenama dan Identiti Korporat

- **BIMBINGAN USAHAWAN**

Tahun 2011, program bimbingan usahawan memberi tumpuan kepada peserta Program Pelan Tindakan Desa (PTD). Program PTD yang bermatlamat memperkukuh dan meningkatkan pengupayaan komuniti (*community empowerment*) dalam membangunkan kampung melalui pelaksanaan projek-projek ekonomi yang memberi manfaat secara langsung kepada peningkatan pendapatan dan kesejahteraan masyarakat. Konsep pelaksanaan PTD memberi penekanan kepada amalan gotong-royong melibatkan komuniti desa.

Program PTD melibatkan 45 buah kampung di seluruh negara yang melibatkan 100 projek iaitu 74 projek telah disiapkan manakala 26 projek lagi masih dalam pelaksanaan. Pelaksanaannya meliputi projek pertanian, penternakan, perikanan, perkhidmatan, pelancongan desa, pemprosesan, kebudayaan dan kesenian. Pecahan jumlah projek-projek PTD mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13: Pecahan projek mengikut negeri

BIL.	NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN PESERTA
1.	Kedah	7	70
2.	Perak	11	110
3.	Pahang	10	100
4.	Terengganu	15	150
5.	Kelantan	6	60
6.	Melaka	6	60
7.	N. Sembilan	17	170
8.	Johor	7	70
9.	Selangor	6	60
10.	Sabah	6	60
11.	Sarawak	9	90
JUMLAH PROJEK		100	1,000

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN PROJEK-PROJEK PELAN TINDAKAN DESA



Naik taraf Bengkel Kuih Lidah di Kampung Barundong, Papar, Sabah



Suasana di dalam bengkel kuih lidah

Di bawah program Pembangunan Usahawan, pencapaian 2011 program usahawan MARA adalah seperti **Rajah 9** berikut:

Rajah 9: Pencapaian Program Usahawan MARA



● **PROGRAM PEMASARAN DAN PROMOSI**

Program Pemasaran dan Promosi berperanan untuk menyediakan kemudahan dan ruang kepada usahawan Bumiputera luar bandar dalam mempromosi dan memasarkan produk ke pasaran dalam atau luar negara melalui kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta. Pada tahun 2011, sebanyak 16 program pemasaran telah dilaksanakan yang mana 15 program adalah aktiviti pemasaran dalam negeri dan satu (1) program pemasaran luar negara. Seramai 859 usahawan telah terlibat dalam program tersebut dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM12,400,000.00. Antara program-program pemasaran yang dianjurkan oleh KKLW dan agensi adalah KUD, empat (4) program Mini KUD iaitu di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Sungai Petani, Kedah, Kuala Krai, Kelantan dan Ranau, Sabah, Regatta Lepa di Semporna, Sabah dan *1Malaysia Best Week Carnival* 2011, Rabat Morocco.

● **KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) 2011**

KUD 2011 telah diadakan pada 21 hingga 25 September 2011 sebagai satu platform untuk mempromosi usahawan luar bandar dalam skala besar. Pencapaian KUD 2011 adalah seperti **Rajah 10** berikut:

Rajah 10: Pencapaian KUD 2011



GAMBAR-GAMBAR PROGRAM PEMASARAN DAN PROMOSI TAHUN 2011



Mini Karnival Usahawan Desa (KUD)
di Sungai Petani, Kedah



Mini Karnival Usahawan Desa (KUD)
di Kuala Pilah, Negeri Sembilan



Karnival Usahawan Desa (KUD)
Tahun 2011 di Presint 2, Putrajaya



Program 1Malaysia Best Week
Carnival 2011, Rabat Morocco

- **SKIM PEMBIAYAAN**


Kementerian dan MARA menyediakan pembiayaan perniagaan iaitu Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) melalui kerjasama dengan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRM) serta Skim Pembiayaan MARA bagi membantu usahawan-usahawan mengembangkan perniagaan masing-masing.

- **SKIM PEMBIAYAAN EKONOMI DESA (SPED)**

SPED membiayai pinjaman bagi tujuan pembelian mesin/peralatan, modal kerja bagi pembelian bahan mentah dan ubah suai/naik taraf premis perniagaan untuk industri pembuatan, perkhidmatan, pelancongan desa dan pertanian (termasuk penternakan dan perikanan). Pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga maksima RM250,000.00 bagi bakal pengusaha-pengusaha yang telah beroperasi kurang daripada 3 tahun dengan tempoh bayaran balik pinjaman di antara 3-5 tahun. Manakala, bagi pengusaha yang telah beroperasi melebihi 3 tahun, pinjaman maksima yang boleh diberi adalah sebanyak RM500,000.00 dengan tempoh bayaran balik 5-7 tahun. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 333 permohonan SPED dengan nilai pinjaman berjumlah RM23,500,000.00 telah diluluskan.


Pembiayaan yang telah diluluskan melibatkan tiga (3) sektor utama iaitu sektor pembuatan (perusahaan bakeri, makanan sejuk beku dan makanan ringan), sektor perkhidmatan (perusahaan bengkel kenderaan, kedai runcit, salon kecantikan) dan sektor pertanian (penternakan lembu, kambing dan tanaman fertigasi) seperti di **Carta 4** berikut:

Carta 4: Pecahan Peminjam SPED Mengikut Sektor Bagi Tahun 2011



Pecahan pembiayaan SPED mengikut bank pelaksana adalah seperti **Carta 5** dan kelulusan pinjaman SPED mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 14**.

Carta 5: Pecahan Peminjam SPED Mengikut Bank Pelaksana Bagi Tahun 2011



Jadual 14: Kelulusan Pinjaman SPED Mengikut Negeri Bagi Tahun 2011

NEGERI	BIL.	NILAI (RM)
Kedah	55	4,229,400.00
Terengganu	38	2,870,130.00
Kelantan	18	1,096,550.00
Sabah	55	2,949,928.00
Selangor	22	2,041,405.00
Melaka	16	1,124,000.00
Perak	40	3,195,852.00
Sarawak	14	824,720.00
Johor	13	968,000.00
P. Pinang	17	1,268,000.00
Perlis	10	607,300.00
W. Persekutuan	8	730,000.00

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan SPED, Kursus Kewangan dan Peningkatan Prestasi Peminjam SPED telah dilaksanakan. Kursus ini dikendalikan oleh SME Bank dan perlu dihadiri oleh usahawan-usahawan yang telah diluluskan pinjaman SPED sebelum pengeluaran wang dibuat. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 13 siri kursus telah dilaksanakan melibatkan seramai 413 orang peserta.

Skim Pembiayaan MARA bertujuan menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan bagi membantu usahawan dan bakal usahawan memulakan dan meningkatkan perniagaan mereka berlandaskan Syariat Islam. Secara keseluruhannya, prestasi bilangan pembiayaan yang diluluskan dalam tahun 2011 telah meningkat sebanyak 70.30% berbanding pada tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah pembiayaan ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan daripada usahawan dan penerimaan peruntukan tambahan daripada Kerajaan. Bilangan penerima pembiayaan adalah seramai 4,903 orang dengan amaun yang terlibat adalah sebanyak RM157,566,380.00.

PRODUK/AKTIVITI USAHAWAN YANG DIBANTU DI BAWAH SPED TAHUN 2011



'Dobi D Suci' - Perniagaan Butik Pakaian Di Jusco Seremban 2



Jaguh Sport: Menjual peralatan dan pakaian sukan di Lahad Datu, Sabah



Perniagaan Izhamhairi bin Ibrahim: Penternakan lembu fidlot di Beseri, Perlis

TERAS 5 Memperhebatkan Usaha Membangunkan Kawasan-kawasan Terpencil, Mundur dan Terbiar

Dalam usaha merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mentransformasikan masyarakat luar bandar, salah satu agenda pembangunan yang dilaksanakan oleh KKLW adalah membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar. KKLW telah mengagihkan peruntukan sebanyak RM117,048,500.00 untuk melaksanakan Program Agropolitan dan Program Pemajuan Kawasan (PPK) seperti **Jadual 15**.

Jadual 15: Kedudukan Kewangan Mengenai Program Agropolitan dan PPK Tahun 2011

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
Program Agropolitan	100,022,300.00	99,564,279.00	99.54
Program Pemajuan Kawasan (PPK)	17,026,200.00	17,026,200.00	100.00
JUMLAH	117,048,500.00	116,590,479.00	99.60

Program Agropolitan

Program ini mempunyai matlamat serampang dua (2) mata iaitu menghapuskan kemiskinan melalui peningkatan pendapatan dan mengeluarkan penduduk daripada paras garis kemiskinan dan mempercepatkan pembangunan kawasan mundur, terpencil dan terbiar. Ia merangkumi tiga (3) komponen seperti di **Rajah 11**.

Rajah 11: Komponen Program Agropolitan




Sebanyak 10 projek Agropolitan telah dan sedang dilaksanakan bermula pada RMKe-9 (2007 - 2010) dan disambung pelaksanaannya dalam RMKe-10. Maklumat terperinci projek dan agihan peruntukan serta perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 16** dan **Carta 6** di bawah.

Jadual 16: Senarai Projek Agropolitan Yang Dilaksanakan Dalam RMKe-10

PROJEK	PELAKSANA	LUAS (HEKTAR)	LADANG SEJAHTERA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PESERTA
Agropolitan Batang Sadong, Samarahan, Sarawak	FELCRA	825	Sawit	10,555,888.00	10,555,888.00	211
Agropolitan Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak	FELCRA	1,611	Sawit	15,194,867.00	15,194,867.00	320
Agropolitan Pulau Bruit, Mukah, Sarawak	FELCRA	3,295	Sawit	6,009,650.00	6,009,650.00	660
Agropolitan Pulau Banggi, Kudat, Sabah	FELCRA	1,847	Getah	14,342,684.00	14,342,684.00	450
Agropolitan Gunung Sadok, Saratok, Sarawak	RISDA	349	Sawit	2,647,742.00	2,189,721.00	86
Agropolitan Nanga Sekuau, Sibuan, Sarawak	RISDA	641	Getah	7,417,245.00	7,417,245.00	517
Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang	RISDA	223	Getah	1,689,700.00	1,689,700.00	80
Agropolitan Chemomoi, Bentong, Pahang	RISDA	676	Getah	8,956,520.00	8,956,520.00	200
Agropolitan Ganda, Gerik, Perak	RISDA	1,230	Getah	14,644,104.00	14,644,104.00	400
Agropolitan Sik, Kedah	KEDA	153	Getah	18,563,900.00	18,563,900.00	145
JUMLAH		10,850		100,022,300.00	99,564,279.00	3,069

Carta 6: Kedudukan Peruntukan dan Perbelanjaan Projek-projek Agropolitan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak



MAJLIS PERASMIAN PROJEK AGROPOLITAN BATANG LUPAR, SRI AMAN, SARAWAK PADA 13 APRIL 2011



Program Pemajuan Kawasan

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk melalui penempatan baru yang lebih terancang dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur serta ameniti sosial khususnya bagi penduduk miskin di kampung-kampung yang kedudukan fizikalnya tidak selamat seperti kampung yang sering dilanda banjir atau mereka yang tidak mempunyai rumah sendiri. Pada tahun 2011, sebanyak 10 projek telah dilaksanakan iaitu empat (4) projek sambungan dan enam (6) projek baru. Perincian maklumat projek adalah seperti di **Jadual 17**:

Jadual 17: Senarai Program Pemajuan Kawasan (PPK) Pada Tahun 2011

PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PELAKSANA	LUAS (HEKTAR)	PERUNTUKAN TAHUN 2011 (RM)	PERBELANJAAN TAHUN 2011 (RM)	KUMPULAN SASAR
PROJEK SAMBUNGAN						
PSK Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan	27,272,617.48	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	39.23	3,000,000.00	3,000,000.00	300 KIR Nelayan Miskin Tegar
PSK Kg. Simpang Durian, Jelebu, N. Sembilan	16,968,965.50	SUK Negeri Sembilan	20.00	2,000,000.00	2,000,000.00	113 KIR Berpendapatan Rendah
PSK Kg. Bangkong, Pekan, Pahang	18,004,386.32	RISDA	40.05	3,500,000.00	3,500,000.00	119 KIR Orang Asli
PSK Kg. Balat & Kg. Litang, Kinabatangan, Sabah	27,994,450.00	FELCRA	6.46	2,526,200.00	2,526,200.00	75 KIR Miskin Tegar (Mangsa Banjir)

PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PELAKSANA	LUAS (HEKTAR)	PERUNTUKAN TAHUN 2011 (RM)	PERBELANJAAN TAHUN 2011 (RM)	KUMPULAN SASAR
PROJEK BARU						
PSK Kg. Manggis, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	2,000,000.00	Bahagian Teknikal, KKLW	61	2,000,000.00	2,000,000.00	75 KIR Mangsa Banjir Berpendapatan Rendah
Projek Penempatan Semula Setinggalan Daerah Kudat	1,300,000.00	Pejabat Daerah Kudat	2.43	1,300,000.00	1,300,000.00	72 KIR Berpendapatan Rendah (setinggalan)
Penempatan Semula Sebauh, Bintulu	1,000,000.00	Lembaga Kemajuan Bintulu	10	1,000,000.00	1,000,000.00	194 KIR Berpendapatan Rendah
Pembangunan Rancangan Perkampungan Tersusun Bukit Chawi	850,000.00	Bahagian Teknikal, KKLW	2.43	850,000.00	850,000.00	32 KIR Miskin Tegar
Cadangan Penyediaan Komponen Gerai di Penempatan Tersusun Nelayan Tok Bali	497,000.00	PCN Kelantan	-	497,000.00	497,000.00	300 KIR Nelayan Miskin Tegar
Cadangan Penyediaan Penutup Longkang di Penempatan Tersusun Nelayan Tok Bali	353,000.00	PCN Kelantan	-	353,000.00	353,000.00	300 KIR Nelayan Miskin Tegar Berpendapatan Rendah
JUMLAH				17,026,200.00	17,026,200.00	

GAMBAR-GAMBAR PROJEK



Bangunan rumah dan surau di projek Penempatan Semula Nelayan Tok Bali yang telah siap dibina



Bangunan rumah dan surau di projek Penempatan Semula Nelayan Tok Bali yang telah siap dibina



Rumah yang hampir siap di PSK Kg. Litang, Kinabatangan

TERAS 6 Merapatkan Jurang Digital Antara Masyarakat Bandar dan Luar Bandar

Kerajaan telah melaksanakan inisiatif melalui Program Infodesa (PID) sebagai usaha untuk merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar.


Program Infodesa

Program ini bermatlamat melahirkan masyarakat dan generasi muda luar bandar yang mampu mengaplikasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam meningkatkan keupayaan sosio-ekonomi. PID dilaksanakan berdasarkan tiga (3) pendekatan utama seperti berikut:

- Pemilikan Komuniti (*Smart Partnership* - pada awalnya dikenali sebagai *Community Ownership*);
- Pengupayaan (*Empowerment*); dan
- Kemampanan (*Sustainability*).

Pelaksanaan PID adalah berdasarkan kepada tiga (3) komponen utama seperti di **Rajah 12**.

Rajah 12: Komponen Program Infodesa



Medan Infodesa (MID)

MID merupakan premis yang dilengkapi dengan kemudahan ICT dan berfungsi sebagai pusat latihan dan interaksi di kalangan masyarakat. KKLW mewujudkan MID di kawasan luar bandar sebagai pemangkin bagi merapatkan jurang digital. Operasi hariannya diuruskan oleh masyarakat setempat. MID dibahagikan kepada tiga (3) kategori dan dibangunkan dengan spesifikasi seperti di **Rajah 13** berikut:

Rajah 13: Spesifikasi MID Mengikut Kategori

	MID DAERAH	MID MUKIM	MID KAMPUNG
KELUASAN TAPAK	80' x 100'	60' x 80'	40' x 60'
BIL. KOMPUTER	20 buah	10 buah	5 buah

Sehingga tahun 2011, sebanyak 243 buah MID telah dibangunkan seperti di **Jadual 18** berikut:

Jadual 18: Bilangan MID Mengikut Negeri dan Kategori

NEGERI	MID DAERAH	MID MUKIM	MID KAMPUNG	BILANGAN MID
Perlis	2	1	0	3
Kedah	10	21	0	31
Pulau Pinang	3	1	0	4
Perak	9	5	0	14
Selangor	9	4	0	13
Negeri Sembilan	7	5	0	12
Melaka	3	10	0	13
Johor	8	16	3	27
Pahang	10	11	0	21
Terengganu	6	30	30	66
Kelantan	7	9	0	16
Sabah	12	5	0	17
Sarawak	4	2	0	6
JUMLAH	90	120	33	243

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Anugerah Kecemerlangan MID diteruskan dalam tahun 2011 dengan tujuan berikut:

- Menggalakkan MID memberi perkhidmatan ICT terbaik kepada masyarakat luar bandar;
- Meningkatkan daya saing di antara MID yang telah beroperasi dari segi daya kreativiti dan komitmen untuk menjayakan fungsi MID ke peringkat terbaik;
- Memberi pengiktirafan dan galakan kepada Pengurus MID dan kepimpinan kampung atas kejayaan yang dicapai dan seterusnya melonjakkan lagi kecemerlangan pada masa akan datang;
- Meningkatkan penglibatan masyarakat luar bandar menggunakan kemudahan ICT untuk meningkatkan tahap pendidikan, sosial dan ekonomi;
- Menjadi MID contoh, *role model* atau mentor kepada MID lain dalam usaha memajukan semua MID;
- Mempromosikan MID yang ada dengan lebih meluas; dan
- Meningkatkan aktiviti di MID supaya dapat menampung kos operasi.

Pada tahun 2011, kategori yang dipertandingkan dan pemenangnya adalah seperti **Rajah 14** berikut:

Rajah 14: Kategori dan Pemenang MID Pada Tahun 2011

KATEGORI DAERAH	KATEGORI MUKIM
<ul style="list-style-type: none"> • ANUGERAH PENGURUS TERBAIK Noor Akma bt. Abu Bakar MID Cheneh Baru, Terengganu • ANUGERAH KECEMERLANGAN MEDAN INFODESA MID Cheneh Baru, Terengganu 	<ul style="list-style-type: none"> • ANUGERAH PENGURUS TERBAIK Mohd Khairul Azrul bin Mohd Johar MID FB Sri Makmur, Pahang • ANUGERAH KECEMERLANGAN MEDAN INFODESA MID Kg. Sri Gading, Johor

Kejayaan kerjasama MID dengan negara luar di bawah Program *APEC Digital Opportunity Centre* (ADOC) pada tahun 2010 diteruskan pada tahun 2011 dengan pemilihan tiga (3) buah MID sebagai *ADOC Partner Office*. MID yang terpilih adalah MID Kampung Tagudon Baru, Ranau, Sabah, MID Kampung Selanyau, Miri, Sarawak dan MID Kampung Renok Baru, Gua Musang, Kelantan, Kampung Gadek, Melaka. Kesemua MID ini telah menerima bantuan perkakasan seperti komputer, pencetak, projektor dan kamera digital untuk melengkapkan infrastruktur ICT bagi manfaat masyarakat luar bandar selain daripada kursus-kursus teknologi dan bahasa, pertandingan fotografi serta pelaksanaan Program Pertukaran Pelajar Taiwan - Malaysia 2011.



Pelancaran Program *APEC Digital Opportunity Centre* di KKLW

Latihan ICT Desa

Latihan ICT Desa merupakan program utama yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan menambah pengetahuan mengenai teknologi maklumat dan komunikasi ICT masyarakat luar bandar di samping meningkatkan penggunaan dan penguasaan literasi komputer di kalangan pemimpin masyarakat. Sebanyak 3,126 siri kursus telah berjaya dilaksanakan di MID seluruh Malaysia dengan kerjasama agensi/pihak swasta dan Institusi Pengajian Tinggi.

Portal Infodesa

Program ini adalah merupakan projek baru dalam RMKe-10 untuk menjayakan Agenda IT Negara ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan menjelang tahun 2020 serta berupaya memacu ekonomi berasaskan pengetahuan dan kemahiran ICT. Objektif Portal Infodesa ialah:

- Menggalakkan penghayatan budaya ilmu di kalangan masyarakat luar bandar menerusi perantaraan ICT;
- Memperluaskan komuniti menerusi pembudayaan ICT dalam kegiatan sosio-ekonomi seperti aktiviti keusahawanan melalui laman web yang disediakan;
- Membina rangkaian pangkalan maklumat kampung luar bandar; dan
- Menyumbang ke arah pembangunan e-Kerajaan melalui pembudayaan ICT dalam kehidupan harian.

Portal Infodesa ini menyediakan satu gerbang komunikasi ICT yang membolehkan capaian kepada maklumat berkaitan MID dan kampung sekitarnya. Ia terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu *macrosite* yang mewakili Laman Utama Program Infodesa dan *microsite* yang mewakili semua Medan Infodesa di seluruh Malaysia.

Kandungan *microsite* lebih tertumpu kepada semua maklumat yang berkaitan dengan sesebuah MID dan kampung-kampung yang terletak di sekitarnya. Maklumat MID ini merangkumi latar belakang pembinaan, program dan perkhidmatan yang dilaksanakan atau ditawarkan serta maklumat dan aktiviti-aktiviti kampung sekitar. Semua *microsite* boleh dilayari melalui pautan yang disediakan di Laman Utama Portal Infodesa. Sehingga Disember 2011, sebanyak 206 *microsite* di seluruh Malaysia telah sedia untuk dilayari.

Kewujudan Portal Infodesa telah membawa perubahan yang ketara dan memberikan kesan yang positif terhadap masyarakat luar bandar. Kewujudannya menjadi pemangkin kepada aktiviti-aktiviti ICT di kawasan luar bandar di mana penggunaan perkhidmatan elektronik seperti e-banking, e-agribazaar dan lain-lain perkhidmatan e-Kerajaan telah dapat ditingkatkan. Laman web Portal Infodesa boleh di layari menerusi <http://www.infodesa.gov.my>



BAHAGIAN-BAHAGIAN KKLW <

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah





BAHAGIAN-BAHAGIAN KKLW

Bahagian Perancangan Strategik

Bahagian Perancangan Strategik (Bahagian R) memainkan peranan yang penting dalam menyediakan rangka dasar dan strategi makro bagi pembangunan luar bandar yang menyeluruh meliputi aspek-aspek pembangunan infrastruktur, ekonomi, sosial dan modal insan ke arah meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Selain itu, bahagian ini memastikan segala perancangan dan program-program Kementerian diselaraskan dan dilaksanakan mengikut matlamat yang telah ditetapkan.

Bahagian R terdiri daripada dua (2) cawangan dan lima (5) unit yang menjalankan tugas mengikut bidang tugas yang ditetapkan iaitu:

- i. **Cawangan Dasar dan Penyelidikan**
 - a) Unit Dasar
 - b) Unit Data dan Analisis
- ii. **Cawangan Perancangan dan Hubungan Antarabangsa**
 - a) Unit Perancangan
 - b) Unit Keurusetiaan dan Pentadbiran
 - c) Unit Perhubungan Antarabangsa

Aktiviti-aktiviti Utama

- i. **Jawatankuasa Dasar (JKD)**
Mesyuarat ini telah diadakan dua (2) kali pada tahun 2011 iaitu pada 8 Ogos 2011 dan 9 November 2011 di KKLW. Mesyuarat ini adalah bertujuan bagi membincangkan dan memaklumkan dasar-dasar yang hendak dilaksanakan berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Y.Bhg Dato' Ibrahim bin Muhammad, KSU KKLW dan dihadiri oleh setiap Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KKLW.
- ii. **Penyelaras *Rolling Plan* RMKe-10**
Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dilaksanakan secara *Rolling Plan* bermula daripada *Rolling Plan* Pertama (RP1) iaitu bagi tahun 2011 - 2012 manakala *Rolling Plan* Kedua (RP2) pula adalah bagi tempoh 2012 - 2013. Peranan Bahagian R dalam setiap *Rolling Plan* ialah sebagai perancang dan penyelaras bagi penyediaan program/projek pembangunan di peringkat KKLW. Bahagian R akan mengadakan sesi awal Pemeriksaan Bajet (*Budget Screening*) bagi meneliti permohonan setiap Bahagian/Jabatan/Agensi dan membuat tapisan awal sebelum seterusnya permohonan Kementerian dimuktamadkan dan dihantar kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII). Dalam RP1, sebanyak 2,234 projek telah dipohon oleh KKLW dengan siling berjumlah RM30,700,000,000.00.

Daripada jumlah tersebut, hanya 910 projek dengan siling berjumlah RM14,900,000,000.00 sahaja yang telah diluluskan oleh UPE, JPM. Dalam RP2, sebanyak 1,664 projek dengan siling sejumlah RM22,900,000,000.00 telah dipohon tetapi hanya 549 projek dengan siling berjumlah RM10,900,000,000.00 yang diluluskan. Walau bagaimanapun, KKLW masih menjadi antara Kementerian yang menerima peruntukan tertinggi kerana sebahagian besarnya adalah untuk membiayai projek-projek NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar. Bahagian R turut menyelaras pelaksanaan Lab Pengurusan Nilai bagi semua projek pembangunan dengan kos RM50,000,000.00 ke atas sebagai salah satu keperluan dalam RP RMKe-10.

iii. Bengkel Pelan Strategik KKLW 2012-2016

Bengkel ini telah diadakan pada 30 September hingga 3 Oktober 2011 bertempat di Hotel Selesa Beach Resort, Port Dickson. Keperluan penyediaan Pelan Strategik ini adalah berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Luar bandar (PIPLB) yang menjadi teras pembangunan luar bandar. KKLW memerlukan satu perancangan strategik yang berkesan dalam menterjemahkan strategi-strategi yang telah digariskan serta mencapai output dan impak yang disasarkan berdasarkan kepada sumber dan kemampuan semasa.

Bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan input daripada para peserta bagi membolehkan analisa-analisa yang berkaitan dapat dilakukan dengan tepat sebelum Pelan Strategik KKLW 2011-2015 digubal. Bengkel ini telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari INTAN yang diketuai oleh YBrs. Dr. Ong Gua Pak, Ketua Program Pengurusan Strategik, INTAN.

iv. Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar Dengan Exco-exco Luar Bandar (MEXCLUB)

Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar Dengan Exco-exco Luar Bandar (MEXCLUB) ini diadakan bagi membincangkan dan memaklumkan dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Ia juga bertindak sebagai platform bagi menteri menyampaikan hasrat Kementerian serta mendapatkan pandangan dan pendapat daripada Exco-exco Luar Bandar dalam usaha untuk memajukan kawasan luar bandar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, YB Dato' Seri Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal.

MEXCLUB Bil.1/2011 telah diadakan di Hotel Marriot, Putrajaya pada 21 Jun 2011. Sebanyak empat (4) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

- i. Cadangan Mewujudkan Akaun Khas Hasil Kutipan Sewa Premis Perniagaan Bagi Tujuan Penyelenggaraan oleh Kerajaan Negeri;
- ii. Pemantapan JKKK/P;
- iii. Penjelasan Mengenai Kepentingan Dan Keperluan Melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan KKLW; dan
- iv. *National Blue Ocean Strategy 3 (NBOS3)* dan *National Blue Ocean Strategy 4 (NBOS4)*.

Manakala MEXCLUB Bil.2/2012 pula telah diadakan pada 7 Disember 2011 di Bilik Persidangan, KKLW. Mesyuarat ini telah mengemukakan kertas pembentangan iaitu:

- i. Prestasi Program pembangunan RMKe-10 KKLW;
- ii. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli; dan
- iii. Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan Di Bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar

- v. **Mesyyuarat Ketujuh ASEAN Senior Officials Meeting On Rural Development And Poverty Eradication (7th SOMRDPE) dan Mesyyuarat Ketiga ASEAN + 3 Senior Officials Meeting On Rural Development and Poverty Eradication (3rd SOMRDPE + 3), 26 Hingga 28 Januari 2011, Bangkok, Thailand**

Mesyyuarat Ketujuh SOMRDPE dan Mesyyuarat Ketiga SOMRDPE + 3 pada 26 hingga 28 Januari 2011 di Bangkok, Thailand merupakan mesyyuarat peringkat pegawai kanan ASEAN dalam sektor pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Dato' Nursiah binti Arshad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKLW bersama pegawai daripada KKLW, Kementerian Luar Negeri, Unit Penyelarasan Pelaksanaan serta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Mesyyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Mr. Vullo Phringphong, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Dalam Negeri Thailand dengan kehadiran wakil daripada semua 10 Negara Anggota ASEAN dan wakil Sekretariat ASEAN. Mesyyuarat antara lain telah membincangkan status pelaksanaan *ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Blueprint* dan *Framework Action Plan on Rural Development and Poverty Eradication (2005-2010)* serta penyediaan *Framework Action Plan on Rural Development and Poverty Eradication (2011-2015)*

- vi. **Mesyyuarat Executive Committee of AARDO-Special Session Di New Delhi, India Pada 16 Hingga 17 Mei 2011**

Mesyyuarat *Executive Committee of AARDO-Special Session* telah diadakan di New Delhi, India pada 16 dan 17 Mei 2011. Delegasi Malaysia ke mesyyuarat peringkat pegawai kanan ini telah diketuai oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Muhamad, Ketua Setiausaha KKLW bersama pegawai daripada KKLW dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Delhi, India.

Mesyyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Mr Birendra Kumar Sinha, Setiausaha (Pembangunan Luar Bandar) , Kementerian Pembangunan Luar Bandar India selaku Presiden *Executive Committee AARDO* dengan kehadiran semua 13 wakil negara anggota *Executive Committee AARDO* serta Sekretariat AARDO. Antara lain, Mesyyuarat telah mengadakan pemilihan *Secretary General AARDO* yang baru serta membincangkan persediaan Sambutan 50 Tahun AARDO pada tahun 2012. Calon daripada Jordan, Eng. Wassfi Hassan El-Sreihin telah dilantik sebagai *Secretary General AARDO* yang baru berkuat kuasa 3 September 2011.

- vii. **Mesyyuarat Ke-7 Menteri-Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN, Brunei Darussalam, 2-3 November 2011**

Mesyyuarat Ke-7 Menteri-Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 2 dan 3 November 2011. Delegasi Malaysia diketuai oleh YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama pegawai-pegawai daripada KKLW serta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Mesyyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Brunei Darussalam. Seterusnya Mesyyuarat telah dipengerusikan oleh Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam. Mesyyuarat peringkat Menteri ini turut dihadiri oleh wakil daripada 10 negara anggota ASEAN serta Sekretariat ASEAN. Antara agenda penting Mesyyuarat Ke-7 AMRDPE adalah membincangkan *Framework Action Plan on Rural Development and Poverty Eradication* untuk tahun 2011 hingga 2015 serta cadangan penubuhan Unit Khusus bagi Pemantauan di bawah Sekretariat ASEAN yang telah dicadangkan oleh Malaysia.

viii. **5th CIRDAP Regional Policy Dialogue dan 18th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council, Tehran, Iran, 12-16 Disember 2011**

5th CIRDAP Regional Policy Dialogue dan 18th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council telah diadakan di Tehran, Iran dari 12 hingga 16 Disember 2011. Delegasi Malaysia ke *5th CIRDAP Regional Policy Dialogue dan 18th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council* diketuai oleh YB Dato' Hasan bin Malek, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama pegawai KKLW dan Kedutaan Malaysia di Tehran, Iran.

5th CIRDAP Regional Policy Dialogue telah dirasmikan oleh Dr Jahangir Porhema, Timbalan Menteri untuk Kajian, Pelajaran dan Pengembangan Organisasi, *Ministry of Jihad-e-Agriculture*, Iran pada 12 Disember 2011. Sesi dialog ini telah dihadiri oleh wakil daripada 15 buah negara anggota CIRDAP kecuali Myanmar. Empat kertas telah dibentangkan dalam sesi dialog ini dengan tajuk "*Conceptual Framework of Decentralized Development*" oleh Dr Anwara Begum, Pengarah Kajian CIRDAP, "*An Outline of Capacity Building of Local Governance Framework*" oleh Dr S.K. Singh, Pengarah Latihan CIRDAP, "*Experimentation of New Models and Products*" oleh Dr Hossein Shahbaz, Pengarah Projek Perintis CIRDAP dan "*Connecting People with the Market*" oleh Dr Vasanthi Rajendran, Pengarah Informasi dan Komunikasi CIRDAP.

Mesyuarat *18th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council* telah dirasmikan oleh Dr Mohammad Reza Rahimi, Timbalan Presiden Pertama, Republik Islam Iran. Seterusnya Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dr Sadegh Khalilian, Menteri *Jihad-e-Agriculture*, Iran. Mesyuarat peringkat Menteri ini telah dihadiri oleh wakil daripada 14 negara anggota CIRDAP dan *Director General* CIRDAP.

Agenda penting *18th Regular Meeting of CIRDAP Governing Council* adalah kenyataan bersama semua negara anggota mengenai polisi pembangunan negara berkaitan pembangunan luar bandar dan pengurangan kemiskinan selaras dengan Deklarasi Dhaka 2010 serta pelantikan *Director General* CIRDAP yang akan datang bagi tempoh 2012 hingga 2016. Calon dari Indonesia, Dr Cecep Effendi telah dipilih sebulat suara bagi jawatan *Director General* CIRDAP bagi tahun 2012 hingga 2016.

Aktiviti-aktiviti Lain

Di samping itu juga Bahagian R telah melaksanakan taklimat/makmal untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pegawai-pegawai dalam pengurusan projek. Taklimat/makmal adalah seperti **Jadual 19** berikut:

Jadual 19: Senarai Taklimat Pengurusan Nilai

AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
Taklimat <i>Value Management</i>	26 Mei 2011	Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Makmal Pengurusan Nilai - Projek Jalan Luar Bandar	14-18 November 2011	Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Makmal-Mini Meningkatkan Keberkesanan Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB)	5-7 Oktober 2011	Bilik Mesyuarat Bahagian Perancangan Strategik, Aras 27, KKLW

GAMBAR-GAMBAR 18TH REGULAR MEETING OF CIRDAP GOVERNING COUNCIL
DAN 5TH CIRDAP REGIONAL POLICY DIALOGUE



GAMBAR-GAMBAR MESYUARAT KE-7 MENTERI-MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN ASEAN



Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-7 AMRDPE



Ucaptama DTYM Tengku Mahkota Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-7 AMRDPE



Keratan Akhbar sempena Mesyuarat Ke-7 AMRDPE dan YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia bersama Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Brunei Darussalam semasa Malam Kebudayaan sempena Mesyuarat Ke-7 AMRDPE



Kunjungan Hormat YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia ke DTYM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Luar Negeri dan Perdagangan Brunei Darussalam

Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat

Penyelarasan dan pemantauan keseluruhan syarikat milik Agensi di bawah KKLW serta aktiviti yang dilaksanakan oleh MARA merupakan dua aktiviti utama yang dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat (BPSA). Antara program utama yang telah diadakan pada tahun 2011 adalah Perjumpaan Menteri KKLW bersama CEO dan Pegawai Kewangan Syarikat pada 24 Februari 2011 dan Seminar Pengauditan Syarikat Milik Agensi di Bawah KKLW pada 8 Disember 2011. Program-program ini dilaksanakan dengan memberi penekanan mengenai cabaran serta peluang-peluang perniagaan dalam senario ekonomi semasa di samping sebagai usaha untuk membentuk CEO/Pengarah Urusan yang peka dengan semua peraturan yang berkaitan. Objektif lain program ini adalah untuk menerapkan budaya tadbir urus korporat dalam syarikat terbabit supaya setanding dengan syarikat-syarikat pemilikan bukan Kerajaan.

PERANAN BPSA

- 1 Menggubal dasar baru dan mengemaskini dasar, peraturan dan garis panduan sedia ada mengenai operasi syarikat milik Agensi KKLW.
- 2 Menguruskan hal-hal korporat syarikat berkaitan dengan penubuhan dan penutupan syarikat, penstrukturan semula syarikat, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan CEO syarikat serta bayaran bonus.
- 3 Mengurus dan memperakukan kelulusan pelaburan dan pinjaman serta mengkaji isu-isu syarikat.
- 4 Mengkaji, menilai dan menyediakan Laporan Prestasi Kewangan dan Fizikal berdasarkan *Key Performance Indicators* (KPIs) syarikat-syarikat milik Agensi KKLW.
- 5 Merancang dan menganjurkan kursus/seminar/bengkel untuk ALP dan CEO.
- 6 Menyelaras dan memantau hala tuju dan dasar program serta aktiviti MARA meliputi sektor pendidikan, keusahawanan dan pelaburan.
- 7 Menguruskan Bantuan Pendidikan KKLW (BPKKLW) di samping membuat penilaian ke atas koperasi-koperasi yang dikawal selia oleh Agensi KKLW.

AGENSI/SYARIKAT	BIL. SYARIKAT
RISDA	14
KETENGAH	6
KESEDAR	4
FELCRA	16
MARA	21
KEDA	4
KEJORA	1
LAIN-LAIN	2
	68


Bilangan Anak Syarikat yang dinilai dari segi prestasi kewangan dan fizikal bagi tahun 2010

AGENSI/SYARIKAT	BIL. SYARIKAT
RISDA	10
KETENGAH	4
KESEDAR	4
FELCRA	15
MARA	8
LAIN-LAIN	2
	43

Pencapaian Syarikat

Secara keseluruhan, perolehan dan keuntungan selepas cukai telah meningkat pada tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya. Perolehan telah meningkat sebanyak RM2,158,000,000.00 (20.22%) daripada RM1,795,000,000.00 pada tahun 2009. Keuntungan selepas cukai pula telah meningkat kepada RM119,090,000.00 (156.49%) pada tahun 2010 berbanding sebanyak RM46,430,000.00 pada tahun sebelumnya seperti di Carta 7 berikut:

Carta 7: Perolehan dan Keuntungan Syarikat Milik Agensi KKLW



Berdasarkan kepada penilaian prestasi serta KPI syarikat, KETENGAH Perwira Sdn. Bhd. telah dipilih sebagai syarikat terbaik Kementerian bagi tahun 2010.

Penyelarasan dan Pemantauan MARA

Penyelarasan dan pemantauan yang dilaksanakan adalah meliputi hala tuju dan dasar MARA, perancangan dan pembangunan fizikal, penyelarasan pelaksanaan projek, *output* dan *outcome* serta isu-isu berkaitan sektor-sektor seperti Rajah 15 berikut:-

Rajah 15: Perolehan dan Keuntungan Syarikat Milik Agensi KKLW

SEKTOR PENDIDIKAN	SEKTOR KEUSAHAWANAN	SEKTOR PELABURAN
<ul style="list-style-type: none"> Program Penganjuran Pelajaran Program Pendidikan Tinggi Program Pendidikan Menengah Program Kemahiran dan Teknikal GIATMARA 	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Usahawan Pembiayaan Perniagaan Pembangunan Infrastruktur Perniagaan Pembangunan Industri dan Perniagaan 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari Kenderaan Bas MARA Aktiviti Kawalan Kredit

Pada tahun 2011, MARA telah diluluskan peruntukan Belanja Pembangunan sebanyak RM995,595,810.00 bagi melaksanakan 128 program/projek. Manakala, di bawah Belanja Mengurus peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM3,006,607,400.00.

Pencapaian keseluruhan BPSA pada tahun 2011 dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar, perancangan fizikal, program/projek MARA adalah seperti **Rajah 16** berikut:-

Rajah 16: Penyelarasan dan Pemantauan Dasar/Perancangan Fizikal/Program MARA



Bantuan Pendidikan KKLW (BPKKLW)

BPKKLW diwujudkan untuk membantu pelajar luar bandar dari kalangan keluarga miskin tegar dan miskin. Sumber kewangan utama bantuan pendidikan ini diperolehi daripada sumbangan syarikat-syarikat milik agensi di bawah KKLW. Bantuan yang diberi adalah berbentuk kewangan sebagai persediaan memasuki Sekolah Berasrama Penuh, Matrikulasi, Pusat/Institut Kemahiran, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTA/IPTS) serta pelajar yang mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3.

Pada tahun 2011, sumbangan yang diterima daripada syarikat-syarikat milik agensi di bawah KKLW adalah berjumlah RM2,050,000.00. Nilai dana terkumpul sehingga tahun 2011 yang boleh dibelanjakan adalah sebanyak RM5,670,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM740,734.00 bantuan telah disalurkan kepada 193 kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar.

Pembangunan Koperasi

KKLW menyedari kepentingan gerakan koperasi kepada masyarakat luar bandar dan telah mengambil inisiatif untuk membantu memperkasakan koperasi luar bandar sebagai agen pembangunan bagi mewujudkan masyarakat luar bandar yang berdikari dan berdaya saing.

Penilaian prestasi koperasi seliaan Agensi di bawah KKLW telah dilakukan bagi memilih koperasi terbaik berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad telah dipilih sebagai koperasi terbaik Kementerian bagi tahun 2010.



Majlis Perjumpaan Menteri KKLW bersama CEO/Pengarah Urusan serta pegawai kewangan syarikat yang diadakan di Marriott Putrajaya



Seminar Pengauditan Syarikat-Syarikat Milik Agensi di bawah KKLW yang diadakan di Dewan Serbaguna KKLW

Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek

Pejabat Cawangan Negeri (PCN) Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek (BPP) bertanggungjawab memastikan pelaksanaan projek di setiap negeri mengikut perancangan dan peraturan yang ditetapkan iaitu:


- 1 mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan projek serta cara mengatasinya
- 2 memastikan prestasi kewangan & fizikal projek mengikut perancangan yang telah ditentukan
- 3 memastikan setiap aduan diambil tindakan susulan berdasarkan tempoh yang ditetapkan
- 4 membuat penilaian *outcome* projek berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan
- 5 melaksanakan perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja di peringkat negeri
- 6 memberi khidmat nasihat teknikal kepada Jabatan dan Agensi di negeri

Selain itu, PCN turut dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perolehan projek pembangunan bernilai RM500,000.00 ke bawah di peringkat negeri. Waran Peruntukan Pembangunan sebanyak RM1,340,631,215.71 telah disalurkan ke PCN dengan prestasi perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 20** dan peratus pelaksanaan projek pembangunan oleh PCN mengikut wilayah adalah seperti di **Carta 8**.

Jadual 20: Kedudukan Peruntukan dan Perbelanjaan Oleh Pejabat Cawangan Negeri

BIL.	CAWANGAN NEGERI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1.	Pahang	250,000.00	250,000.00
2.	Melaka/N.Sembilan	556,671.00	556,671.00
3.	Kedah/Perlis/P.Pinang	625,476.00	625,476.00
4.	Johor	839,894.65	839,894.65
5.	Perak	2,014,260.00	1,455,360.00
6.	Terengganu	3,296,642.60	3,296,642.60
7.	Sarawak	518,257,152.18	518,257,152.18
8.	Sabah	814,791,119.28	814,773,534.28
JUMLAH KESELURUHAN		1,340,631,215.71	1,340,054,730.71

Carta 8: Projek Pembangunan oleh Pejabat Cawangan Negeri



Di peringkat PCN, pengukuhan Pasukan *Flying Squad* selaku unit bertindak segera telah dilaksanakan bagi membantu BPP bertindak menangani isu/masalah atau aduan yang diterima dari pelbagai sumber seperti media cetak, media elektronik, aduan telefon, e-mel, surat-menyurat, arahan khas, laporan-laporan berkala dan risikan. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 270 aduan telah disiasat oleh Pasukan *Flying Squad* KKLW dan laporan berkenaan telah dimaklumkan kepada pihak Pengurusan Atasan Kementerian dan Pengurus Program yang berkaitan.

BPP bertindak sebagai penyelaras lawatan pemantauan projek yang melibatkan Perdana Menteri/Timbalan Perdana Menteri, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Menteri dan Ketua Setiausaha KKLW ke lokasi-lokasi projek yang dipilih. Lawatan yang dilakukan ini adalah bagi meninjau pelaksanaan projek dan pembangunan di sesuatu kawasan yang juga melibatkan Agensi, Jabatan dan Kementerian lain.

Rajah 17: Bilangan Lawatan yang Diselaraskan BPP



Surat Pekeliling Am Bilangan 3, Tahun 2005 yang telah dikeluarkan oleh ICU JPM, mewajibkan setiap Kementerian melaksanakan dan menyediakan Laporan Penilaian *Outcome* ke atas setiap program/projek yang dilaksanakan. Program penilaian *outcome* projek ini bertujuan untuk melihat semula kesan dan impak projek-projek yang telah dilaksanakan dengan memberi fokus kepada kesan jangka pendek atau *outcome* yang diterima oleh kumpulan sasar, baik secara langsung atau tidak langsung. BPP menjadi urus setia pelaksanaan program ini di peringkat Kementerian.

GAMBAR PEMANTAUAN DAN AKTIVITI BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK TAHUN 2011



SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN <

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah





SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan Maklumat

Bahagian Pengurusan Maklumat (ICT) telah membelanjakan sejumlah RM4,180,000.00 bagi meneruskan inisiatif dalam merangka dan melaksanakan strategi pembangunan Program ICT Kementerian dan Agensi.

Inisiatif Perkhidmatan *Online*

a. **Pembangunan sistem aplikasi**

Sebanyak lima sistem aplikasi secara *online* telah dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman iaitu:



Sistem Penyelaras dan Pemantauan Latihan Kementerian (SPPL)

Pendaftaran kursus/latihan anjuran Bahagian/Jabatan/Agensi bagi tujuan pemantauan dan penyelarasan oleh Kementerian.



Sistem eSemakan Kontrak (eSK)

Perkhidmatan pendaftaran dan pengurusan kontrak projek-projek Kementerian.



Sistem MAKSPEN

Pendaftaran dan pengurusan maklumat peserta dan penyertaan permainan Sukan MAKSPEN.



Sistem Pengurusan Latihan (eLatihan)

Pendaftaran dan permohonan kursus/latihan untuk warga Kementerian.



Sistem Meja Bantuan (Helpdesk) ICT

Pengurusan aduan kerosakan yang diterima oleh Meja Bantuan (Helpdesk).

b. **Penyenggaraan sistem**

Penyenggaraan sistem-sistem sedia ada dilaksanakan secara berkala.

PENAMBAHBAIKAN SISTEM

Sistem Maklumat Kampung (SMK-GIS)

- Pemetaan data kepadatan penduduk mengikut Daerah, Mukim, DUN dan Parlimen
- Pengemaskinian pangkalan data bagi Johor, Negeri Sembilan dan Melaka
- Kemasukan data sempadan kampung dan projek-projek Kementerian bagi Pahang

eGDW

eDebt DARA

c. **Pelaksanaan Projek ICT Kerajaan**

Sistem Pengurusan Aset (SPA) yang dibekalkan oleh Kementerian Kewangan telah dilaksanakan di Kementerian pada November 2011. Dua siri Bengkel Kemasukan Data telah diadakan dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset.

7,100

data harta modal dan inventori telah didaftarkan

d. **Kelulusan Projek Kementerian dan Jabatan/Agensi**

Sejumlah 23 projek Kementerian dan Jabatan Agensi telah diluluskan melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KKLW.

Pelan Strategik ICT (ISP) Kementerian

Dokumen ISP KKLW mengandungi pelan perancangan strategik ICT yang menyeluruh bagi memastikan hal ehwal pengurusan ICT selari dengan ISP Sektor Awam. Pelan ini dilaksanakan untuk Kementerian, KEMAS dan juga INFRA.

Berpandukan enam (6) Teras Strategik Kementerian dan tujuh (7) Teras Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) serta analisis-analisis yang telah dijalankan, lima (5) Teras ICT telah dikenal pasti dalam membantu mencapai objektif Kementerian.



Infrastruktur Asas dan Keselamatan ICT

- a. **Kemudahan peralatan ICT (termasuk peralatan ICT sewaan)**
Bahagian ICT telah menyediakan peralatan ICT seperti **Jadual 21**:

Jadual 21: Kemudahan Peralatan ICT

PERALATAN ICT	BILANGAN
Pelayan	60 unit
Komputer Peribadi	871 unit
Komputer Riba	121 unit
Pencetak (mono/warna)	506 unit
Pengimbas	13 unit
Projektor	70 unit

- b. **Peningkatan perkhidmatan e-mel rasmi Kementerian**
Perkhidmatan e-mel rasmi Kementerian dipertingkatkan ke versi *Microsoft Exchange 2010* yang menyediakan kemudahan kolaborasi yang lebih efektif.
- c. **Peluasan Sistem Sidang Video (Video Conferencing - VC)**
Bilik Mesyuarat Persidangan KKLW telah dilengkapi dengan teknologi VC yang disokong dengan pemasangan skrin projektor berkembar, 19 unit monitor di meja persidangan dan 2 unit TV LCD.

Pelaksanaan VC dipertingkatkan dengan pemasangan *decoder* bagi membolehkan persidangan melibatkan lebih ramai pengguna pada satu-satu masa seterusnya menjadikan komunikasi jarak jauh lebih berkesan.

Pengurusan Pengetahuan (*Knowledge Management*) dan Pembudayaan ICT

Dalam memperkemaskan sistem pengurusan pengetahuan di Kementerian, Bahagian ICT telah membangunkan *Enterprise Knowledge Repository Information System* (EKRIIS). EKRIIS menyediakan kemudahan kolaborasi dan perkongsian maklumat serta fungsi-fungsi interaktif lain sebagai wahana bermaklumat khusus buat warga KKLW. *Knowledge Management Office* (KMO) juga ditubuhkan bagi merangka hala tuju dan strategi pengurusan maklumat di Kementerian.

Sebanyak 32 siri kursus/latihan teknikal telah diadakan termasuk kursus/latihan peningkatan kemahiran, asas penggunaan, penggunaan sistem dan juga pensijilan.



Laman Web Kementerian

Berdasarkan *Google Analytics*, didapati Laman Web Rasmi Kementerian menerima purata jumlah pelawat melebihi 10 ribu sebulan termasuk pelawat dari luar negara. Dalam penilaian *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* bagi tahun 2011, Laman Web Kementerian telah berjaya mengekalkan tahap penarafan **Lima Bintang** dengan pencapaian pada kedudukan yang pertama. Majlis penganugerahan telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara pada 1 Disember 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sempena Seminar MGPWA 2011.



Perpindahan Peralatan ICT

Pada tahun 2011, Bahagian ICT menguruskan proses perpindahan peralatan ICT Kementerian dan Ibu Pejabat KEMAS ke bangunan baru melibatkan perkakasan dan kelengkapan Pusat Data, pelayan-pelayan sistem, 1,181 unit PC, 103 unit komputer riba, 589 unit pencetak, 16 unit pengimbas dan 32 unit projektor serta peralatan audio visual.




Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun

Peruntukan KKLW Tahun 2011

Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun (BKBA) telah menguruskan sejumlah RM12,858,975,010.00 untuk Tahun 2011 seperti **Carta 9**, **Jadual 22**, **Jadual 23** dan **Jadual 24** berikut:

Carta 9: Peruntukan dan Perbelanjaan Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan



Jadual 22: Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Bagi Tahun 2011

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1.	Dasar Sedia Ada	3,741,050,254.00	3,746,905,877.96	100.16
2.	Dasar One-Off	897,303,746.00	893,687,380.68	99.60
JUMLAH KESELURUHAN		4,638,354,000.00	4,640,593,258.64	100.05

Jadual 23: Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Bahagian/Jabatan/Agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Bagi Tahun 2011

BIL.	BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1.	Pentadbiran dan Pengurusan Aset	53,460,155.00	49,438,473.05	92.48
2.	Perancangan Strategik	3,475,126.00	3,183,938.46	91.62
3.	Pengurusan Sumber Manusia	2,955,555.00	2,852,167.63	96.50
4.	Kewangan, Belanjawan dan Akaun	3,615,588.00	3,434,861.78	95.00
5.	Pengurusan Maklumat	5,776,860.00	5,613,143.83	97.17
6.	Infrastruktur	6,081,701.00	5,963,660.95	98.06
7.	Kesejahteraan Rakyat	1,805,674.00	1,694,101.61	93.82
8.	Pengupayaan Ekonomi	2,014,222.00	1,990,989.55	98.85

BIL.	BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
9.	Kemajuan Tanah dan Wilayah	15,566,436.00	15,510,376.25	99.64
10.	Pelaburan dan Anak Syarikat	1,381,320.00	1,341,499.04	97.12
11.	Perolehan	972,509.00	955,204.81	98.22
12.	Pengupayaan Komuniti dan Infodesa	4,120,909.00	4,042,213.01	98.09
13.	Pembangunan dan Pemantauan Projek	11,810,652.00	11,788,315.69	99.81
14.	INFRA	12,228,347.00	12,111,992.04	99.05
15.	*KEMAS	207,217,100.00	218,813,936.33	105.60
16.	JAKOA	76,878,600.00	76,481,503.93	99.48
17.	KETENGAH	23,972,800.00	23,972,800.00	100.00
18.	KESEDAR	31,498,500.00	31,498,500.00	100.00
19.	KEDA	22,568,900.00	22,568,900.00	100.00
20.	KEJORA	34,064,300.00	34,064,300.00	100.00
21.	RISDA	212,977,600.00	212,977,600.00	100.00
22.	MARA	3,006,607,400.00	3,006,607,400.00	100.00
23.	ONE OFF	897,303,746.00	893,687,380.68	99.60
JUMLAH KESELURUHAN		4,638,354,000.00	4,640,593,258.64	100.05


* Lebihan perbelanjaan KEMAS adalah kerana pembayaran elaun kakitangan kontrak serta bayaran bonus kakitangan tetap dan kontrak.

Jadual 24: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

BIL.	BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1.	KEMAS	44,793,500.00	43,424,885.58	96.94
2.	INFRA	433,700.00	429,805.89	99.10
3.	JAKOA	7,855,000.00	7,854,450.62	99.99
4.	Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	1,346,790,000.00	1,346,789,998.71	100.00
5.	Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	1,946,067,200.00	1,940,691,938.91	99.72
6.	Jalan Luar Bandar	2,820,234,100.00	2,804,019,696.16	99.43
7.	Ameniti Sosial	2,760,000.00	2,760,000.00	100.00
8.	Pemajuan Kawasan	17,026,200.00	17,026,200.00	100.00
9.	Lonjakan Mega Luar Bandar	100,072,300.00	100,070,054.87	100.00
10.	Program Kesejahteraan Rakyat	500,000,000.00	500,065,428.70	100.01
11.	FELCRA (03100)	42,600,400.00	42,600,400.00	100.00
12.	FELCRA (03100P)	168,163,400.00	168,163,400.00	100.00
13.	KEJORA	19,740,000.00	19,740,000.00	100.00
14.	KETENGAH	25,920,000.00	25,920,000.00	100.00
15.	KESEDAR	25,100,000.00	25,100,000.00	100.00
16.	RISDA	128,264,400.00	128,264,400.00	100.00
17.	KEDA	9,350,000.00	9,350,000.00	100.00
18.	Penanaman Semula Getah Sarawak	10,000,000.00	9,865,073.48	98.65
19.	LKTS (06000P)	3,800,000.00	3,800,000.00	100.00
20.	SALCRA (08000)	6,055,000.00	6,055,000.00	100.00
21.	MARA	995,595,810.00	995,595,800.00	100.00
JUMLAH KESELURUHAN		8,220,621,010.00	8,197,586,532.92	99.72

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103, KKLW sentiasa berusaha secara berterusan untuk memastikan semua pembayaran bil-bil mengurus dan pembangunan dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari. **Carta 10** dan **Jadual 25** berikut menunjukkan prestasi pembayaran bil tahun 2011 yang dicapai oleh KKLW.

Carta 10: Prestasi Pembayaran Bil KKLW Pada Tahun 2011



Jadual 25: Prestasi Pembayaran Bil KKLW Tahun 2011 Mengikut Jabatan dan Agensi

JABATAN/AGENSI	1-7 HARI		8-14 HARI		> 14 HARI		KESELURUHAN	
	BIL.	RM (JUTA)	BIL.	RM (JUTA)	BIL.	RM (JUTA)	BIL.	RM (JUTA)
Ibu Pejabat KKLW	12,833	3,080.29	1,538	248.23	5	0.01	14,376	3,328.53
KEMAS	63,979	356.17	3,587	46.81	153	0.76	67,719	403.74
JAKOA	24,321	86.15	1,438	5.24	7	0.03	25,766	91.42
INFRA	911	5.16	14	0.18	1	0.00	926	5.35
PCN	2,205	11.70	80	1.48	2	0.01	2,287	13.19
MARA	39,070	918.26	184	4.35	0	0.00	39,254	922.62
KESEDAR	4,222	74.30	540	2.72	15	0.23	4,777	77.25
KEDA	4,362	40.64	456	7.65	16	0.26	4,834	48.55
KEJORA	3,515	19.74	1,015	9.51	9	0.11	4,539	29.37
KETENGAH	3,626	18.24	998	5.40	47	0.14	4,671	23.78
RISDA	86,097	310.95	6,642	119.27	1	0.00	92,740	430.22
JUMLAH	245,141	4,921.60	16,492	450.85	256	1.56	261,889	5,374.01

Aktiviti-Aktiviti Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun Sepanjang Tahun 2011

Bahagian ini telah melaksanakan beberapa aktiviti/program bagi memastikan pengurusan kewangan di peringkat Bahagian/Jabatan/Agensi berada pada tahap yang paling baik. Antara aktiviti/program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26: Aktiviti/Program Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun Bagi Tahun 2011

BIL.	AKTIVITI/ PROGRAM	BAHAGIAN/JABATAN/ AGENSI YANG TERLIBAT	TARIKH
1.	Naziran Pengurusan Kewangan	i. INFRA Bangi ii. KEMAS Kedah iii. JAKOA Kelantan/Terengganu iv. KEMAS Melaka v. KEMAS Terengganu vi. Lawatan Pemantauan Laporan Ketua Audit Negara ke TABIKA KEMAS: a. Kedah b. Johor c. Kelantan d. Sabah vii. Lawatan Pemantauan Laporan Ketua Audit Negara ke KETENGAH viii. Lawatan Pemantauan Laporan Ketua Audit Negara ke RISDA Terengganu ix. Pemantauan Laporan Ketua Audit Negara ke RISDA Pahang	2-3 Mac 2011 25-26 Mei 2011 27-28 Jun 2011 27-28 Julai 2011 21-22 Oktober 2011 10 November 2011 11 November 2011 14 November 2011 14 November 2011 28 November 2011 28 November 2011 28 November 2011
2.	Bengkel <i>Strategic Programming</i> Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Semua Bahagian/Jabatan/Agensi	7-10 Februari 2011
3.	Taklimat Pembayaran Bil 14 Hari Arahan Perbendaharaan 103 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Semua Bahagian/Jabatan/Agensi	24 Februari 2011
4.	Taklimat Pembayaran Bil 14 Hari Arahan Perbendaharaan 103 PTJ KEMAS Sabah dan Sarawak	KEMAS Sabah dan Sarawak	8 Mac 2011
5.	Taklimat Pembayaran Bil 14 Hari Arahan Perbendaharaan 103 PTJ KEMAS Semenanjung	KEMAS Semenanjung	8 Mac 2011
6.	Taklimat Pembayaran Bil 14 Hari Arahan Perbendaharaan 103 PTJ JAKOA	JAKOA	17 Mac 2011
7.	Sesi Latihan Khas (<i>Hands-On</i>) Mengenai Pendahuluan Diri Bagi KKLW Cawangan Negeri	Semua PCN Negeri	4 April 2011
8.	Kursus Penyediaan Penyata Penyesuaian Bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Semua PTJ	4-6 Julai 2011
9.	Sesi Latihan Khas (<i>Hands-On</i>) Mengenai Perakaunan Bayaran Kerajaan Bagi KKLW Cawangan Negeri	Semua PCN Negeri	20 Julai 2011
10.	Bengkel Kumpulan PK1 - Program Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan Siri 1 & 2	Bahagian/Jabatan/Agensi	8-16 Ogos 2011
11.	Bengkel Kumpulan PK2 - Program Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas Siri 1 & 2	Bahagian/Jabatan/Agensi	18-23 September 2011

12. Bengkel Kumpulan PK3 - Program Pembasmian Kemiskinan Siri 1 & 2	Bahagian/Jabatan/ Agensi	18-23 September 2011
13. Bengkel Kumpulan PK4 - Program Pengupayaan Ekonomi Siri 1 & 2	Bahagian/Jabatan/ Agensi	26 September - 1 Oktober 2011
14. Bengkel Kumpulan PK5 - Program Pembangunan Tanah dan Wilayah Siri 1 & 2	Bahagian/Jabatan/ Agensi	26 September - 1 Oktober 2011
15. Kursus Asas Perakaunan Kerajaan, Perakaunan Bayaran Kerajaan, eSPKB dan eTERIMAAN	-	19-22 September 2011
16. Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan, Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam	-	17-19 Oktober 2011
17. Kursus Perakaunan Hasil Kerajaan, Audit Kira-Kira Wang Tunai, Perakaunan Amanah, Deposit dan Panjar	-	14-16 November 2011
18. Bengkel Validasi Templat <i>Outcome Based Budgeting</i> (OBB)	Bahagian/Jabatan/ Agensi	30 November 2011
19. Urus Setia Mesyuarat:		
i. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)	Bahagian/Jabatan/ Agensi	a. 17 Februari 2011 b. 24 April 2011 c. 25 Julai 2011 d. 24 Oktober 2011
ii. Mesyuarat Penyelarasan PTJ - 2 kali setahun	Semua PTJ di bawah Kementerian/ Jabatan/Agensi	a. 11 April 2011 b. 20 Oktober 2011
iii. Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Mengurus dan Pembangunan 2011	Bahagian/Jabatan/ Agensi	Mac-April 2011

Anugerah dan Pengiktirafan

Beberapa anugerah telah diterima oleh bahagian ini daripada Jabatan Akauntan Negara seperti **Rajah 18** berikut:

Rajah 18: Anugerah dan Pengiktirafan Sepanjang Tahun 2011



Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset

Keurusetiaan Mesyuarat, Protokol, Parlimen dan Pentadbiran

Sepanjang tahun 2011, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset telah menjadi urusetia bagi mesyuarat-mesyuarat utama Kementerian yang melibatkan Anggota Pentadbiran dan Anggota Pengurusan Tertinggi seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27: Bilangan Mesyuarat Utama Kementerian Pada Tahun 2011

BIL.	NAMA MESYUARAT	BILANGAN
1.	Mesyuarat Mingguan Pengurusan	43 kali
2.	Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian	37 kali

Persidangan Parlimen

Bagi Urusan Persidangan Parlimen, bilangan pertanyaan lisan dan bertulis yang diajukan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah seperti di **Jadual 28** dan **Jadual 29**.

Jadual 28: Jumlah Pertanyaan Soalan di Dewan Rakyat

BIL.	PERSIDANGAN PARLIMEN	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1.	Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas Tahun 2011	49	11	60
2.	Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas Tahun 2011	35	16	51
3.	Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas Tahun 2011	34	22	56
JUMLAH KESELURUHAN		118	49	167

Jadual 29: Jumlah Pertanyaan Soalan di Dewan Negara

BIL.	PERSIDANGAN PARLIMEN	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1.	Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas Tahun 2011	16	1	17
2.	Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas Tahun 2011	17	0	17
3.	Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas Tahun 2011	11	2	13
JUMLAH KESELURUHAN		44	3	47

Majlis dan Program Rasmi

Jadual 30 menunjukkan butiran mengenai program/majlis di peringkat Kementerian dan Kebangsaan yang melibatkan penyertaan oleh warga Kementerian dan Jabatan/Agensi sepanjang tahun 2011.

Jadual 30: Program/Majlis Rasmi Peringkat Kementerian/Kebangsaan

BIL.	PROGRAM/MAJLIS	TARIKH	TEMPAT
1.	Majlis Penyampaian Amanat YB Menteri Sempena Perhimpunan Bulanan	10 Januari 2011 8 Mac 2011 9 Mei 2011 16 Ogos 2011	Dewan Tun Abdul Razak, Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi Auditorium MARA, Kuala Lumpur Dewan Tun Abdul Razak, Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi Dewan Tun Abdul Razak, Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi
2.	Perarakan dan Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1432H/2011M	15 Februari 2011	Dewan Solat Utama Masjid Putra, Putrajaya
3.	Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja Tahun 2011	7 Mei 2011	Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur
4.	Majlis Berbuka Puasa Peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tahun 2011M/1432H	9 Ogos 2011	Dewan Tun Abdul Razak, Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi
5.	Majlis Perjumpaan YB Menteri Bersama Warga KKLW Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tahun 2011M/1432H	19 September 2011	Dewan Tun Abdul Razak, Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi
6.	Sambutan Hari inovasi Peringkat Kementerian	16 Disember 2011	Dewan Utama Menara MARA, Kuala Lumpur
7.	Perhimpunan Majlis Sambutan Maal Hijrah 1433H/2011M	27 Disember 2011	Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
8.	Malam Gemilang KKLW 2011	18 Januari 2012	Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan

Inovasi dan Kualiti

Di dalam urusan inovasi dan kualiti, Bahagian ini telah mengambil inisiatif untuk memberi pengiktirafan berterusan kepada warga kerja Kementerian menerusi Anugerah Inovasi dan Kualiti Kementerian. Antara jenis anugerah yang diberikan adalah Anugerah Kualiti Pengurusan Perolehan, Anugerah Kualiti Pengurusan Keselamatan Perlindungan, Anugerah Kualiti Pengurusan Sumber Manusia; Anugerah Kualiti Pengurusan Khidmat Pelanggan, Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Teknikal), Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Pengurusan), Anugerah Pegawai Gemilang Bulanan KKLW (Kategori Pengurusan dan Profesional), dan Anugerah Pegawai Gemilang Bulanan KKLW (Kategori Sokongan). Bahagian ini juga telah menjadi urusetia kepada mesyuarat-mesyuarat Inovasi dan Kualiti seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31: Bilangan Mesyuarat Inovasi dan Kualiti

BIL.	NAMA MESYUARAT	BILANGAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi	1 kali
2.	Mesyuarat Panel Penilai Anugerah Pegawai Gemilang Bulanan KKLW	12 kali

Pengurusan Aset dan Stor

Bahagian ini juga bertanggungjawab merancang dan memantau pelaksanaan hal ehwal berkaitan Pengurusan Aset dan Stor di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Sepanjang tahun 2011, mesyuarat utama yang diurus setiakan oleh Bahagian ini adalah seperti di **Jadual 32**:

Jadual 32: Bilangan Mesyuarat Utama Pengurusan Aset dan Stor

BIL.	NAMA MESYUARAT	BILANGAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kementerian (JKPAK)	4 kali

Selain itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab membuat siasatan ke atas kes-kes kehilangan aset yang dilaporkan dan Laporan Kehilangan dan Hapus Kira Kementerian adalah seperti **Jadual 33**.

Jadual 33: Laporan Kehilangan dan Hapus Kira Kementerian 2011

BIL.	BILANGAN AHLI JAWATANKUASA KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA	JUMLAH KES KEHILANGAN ASET	NILAI HAPUSKIRA (RM)
1.	11 orang	6	78,529.00

Rekod dan Keselamatan

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk merancang dan memantau pelaksanaan hal ehwal berkaitan Pengurusan Keselamatan dan Rekod di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Bilangan mesyuarat utama yang diurus setiakan oleh Bahagian ini sepanjang tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34: Bilangan Mesyuarat Utama Rekod dan Keselamatan

BIL.	NAMA MESYUARAT	BILANGAN
1.	Mesyuarat Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ)	1 kali
2.	Mesyuarat Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)	1 kali

Selain itu juga, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Aset telah melaksanakan bengkel/program berkaitan rekod dan keselamatan dengan kerjasama Jabatan/Agensi Kerajaan lain seperti di **Jadual 35**.


Jadual 35: Program/Bengkel Berkaitan Rekod dan Keselamatan

BIL.	PROGRAM/MAJLIS	TARIKH	TEMPAT
1.	Kursus Pengurusan Fail	9-11 Mac 2011	Permaisuri Resort, Port Dickson


Bahagian Perolehan

Tahun 2011 merupakan tahun yang mencabar bagi Bahagian Perolehan berikutan kerancangan pelaksanaan projek pembangunan melibatkan projek pembangunan fizikal di bawah NKRA. Secara keseluruhan pencapaian aktiviti utama Bahagian Perolehan digambarkan di Carta 11, Carta 12 dan Rajah 19 seperti berikut:


Carta 11: Pelaksanaan Perolehan Secara Tender dan Sebut Harga



Carta 12: Pelaksanaan Perolehan Secara ePerolehan



Rajah 19: Pelantikan Perunding Kajian/Projek Pembangunan Fizikal Melibatkan Projek JALB, BALB dan BELB



Jadual 36 berikut menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun 2011.

BIL. AKTIVITI/PROJEK	PENCAPAIAN
1. Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' KKLW	38 Mesyuarat
2. Mesyuarat Lembaga Perolehan 'B' KKLW	31 Mesyuarat
3. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga KKLW	19 Mesyuarat
4. Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit	7 Mesyuarat
5. Rundingan Terus	14 kali
6. Pelantikan Perunding	534
7. ePEROLEHAN	
i. Mesyuarat Pasukan Petugas ePerolehan	3 Mesyuarat
ii. Pelaksanaan Tender dan Sebut Harga secara ePerolehan	3 Tender & 7 Sebutharga
iii. Pesanan Tempatan Secara ePerolehan	3003 Pesanan Tempatan
iv. Pelaksanaan eBidding	106 kali
v. Pemantauan ePerolehan:	100% (41 PTJ telah enable)
a. Memastikan 100% transaksi di semua PTJ telah eP enable	9 PTJ di PCN Negeri telah eP enable. Hanya satu PTJ belum bertransaksi -
b. Memastikan PTJ baru iaitu PCN Negeri eP enable dan bertransaksi	PCN Negeri Sembilan/Melaka
c. Meningkatkan peratusan penggunaan eP secara atas talian.	KKLW Ibu Pejabat: 84% atas talian KKLW 46% atas talian
8. PENYEDIAAN LAPORAN	
i. Mesyuarat Perancangan Perolehan	1 kali (setiap awal tahun)
ii. Laporan Pembelian terus selaras SPP 12/2007	4 kali
iii. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)	4 kali
iv. Laporan Government Procurement Information System (GPIS)	600 (kemasukan data)
v. Laporan Integrity Pact	12 kali (bulanan)
vi. Laporan eBidding	12 kali
9. SURAT SETUJU TERIMA (SST) DAN PENURUNAN KUASA	
i. Kerja	541 SST
ii. Bekalan dan Perkhidmatan	21 SST
10. KONTRAK	
Pemantauan Kontrak	24 kontrak
11. SISTEM PENGURUSAN PEROLEHAN	
i. Daftar Minat Kontraktor/Pembekal	517
ii. Penilaian Prestasi Pembekal	200 (bekalan) 600 (perkhidmatan) 21 (perunding)
12. NAZIRAN PELAKSANAAN PEROLEHAN DI JABATAN/AGENSI/PCN	11 kali lawatan

Bagi memantapkan lagi pengetahuan kakitangan yang terlibat di dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan, Bahagian ini telah menganjurkan beberapa siri kursus dan taklimat seperti di **Rajah 20** berikut:

Rajah 20: Pelaksanaan Kursus Berkaitan Perolehan




Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menerima peruntukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011 sebanyak RM2,955,555.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM2,852,167.63 telah dibelanjakan termasuk bayaran bonus kepada anggota BPSM. Pelaksanaan aktiviti BPSM seperti **Jadual 37** dan **Carta 13**:

Jadual 37: Aktiviti dan Pencapaian PSM Tahun 2011

BIL.	AKTIVITI/PROJEK	PENCAPAIAN
1.	Pengemaskinian urusan perjawatan Kementerian	61 urusan
2.	Dasar Perjawatan	6 urusan
3.	Naziran perjawatan	2 naziran
4.	Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) KKLW dan Jawatankuasa Kerja kepada JKU	6 mesyuarat 3 laporan maklum balas 1 kajian pelaksanaan JKU Masa: 2 daripada 3 Mesyuarat JKU dilaksanakan mematuhi takwim.
5.	Urus setia Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	4 mesyuarat
6.	Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan	2 kali
7.	Urus setia Mesyuarat:	
	i. Lembaga Penilaian Kompetensi KKLW	2 kali
	ii. Lembaga Peperiksaan KKLW	3 kali
	iii. Mesyuarat Penyelarasan Kompetensi dan Peperiksaan	2 kali
8.	Panduan Kompetensi dan Peperiksaan KKLW - Penyediaan Tatacara Pelaksanaan Peperiksaan	Tatacara yang diwujudkan telah dijadikan sebagai rujukan dan panduan untuk pelaksanaan peperiksaan di setiap jabatan di bawah KKLW dan ia adalah selaras dengan peraturan dan tatacara semasa yang berkuatkuasa
9.	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Latihan KKLW bersama jabatan dan agensi-agensi	1 kali
10.	Program Penghayatan Ramadhan 1432H	4 siri
11.	Aplikasi Psikologi Dalam Penilaian Personal	1,230 orang
12.	Aplikasi Psikologi Melalui Pembangunan Personal	8 program
13.	Aplikasi Psikologi Melalui Penyelidikan Psikologi	2 kajian
14.	Aplikasi Psikologi Melalui Intervensi	6 program

Carta 13: Pelaksanaan Kursus/Latihan Bagi Tahun 2011



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Seramai 425 orang pegawai dan kakitangan KKLW yang telah berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2010 telah diberikan pengiktirafan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 pada 7 Jun 2011. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Tun Razak, Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi, Selangor dan telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohd Shafie Hj. Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.



Pemilihan penerima APC turut mengambil kira perakuan tahap prestasi kerja dan disiplin anggota berkenaan dan lain-lain aspek seperti keperibadian, penampilan dan tingkah laku. Penerima APC menerima hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00 dan Sijil Perkhidmatan Cemerlang.



Pengiktirafan

BPSM telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW 2011 di bawah kategori Pengurusan Sumber Manusia. Dengan penganugerahan ini, BPSM telah menerima trofi, sijil penghargaan dan wang sebanyak RM5,000.00. Hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' KSU, KKLW pada 16 Disember 2011 sempena Hari Inovasi KKLW 2011 yang telah diadakan di Dewan Utama, Menara MARA, Kuala Lumpur.




BPSM juga telah diberi pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di atas kejayaan melaksanakan Program Pementoran bagi tahun 2011. YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah menyampaikan sijil penghargaan kepada YBhg. Dato' KSU KKLW dalam satu majlis yang diadakan di Auditorium JPA, Putrajaya.

Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) telah melaksanakan auditan ke atas 26 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian. Daripada jumlah tersebut, 6 merupakan Audit Pengurusan Kewangan, 5 Audit Prestasi/Kajian Khas, 5 Penampilan Audit, 4 Audit Susulan dan 5 Audit Siasatan Khas. Peratus auditan yang dilaksanakan adalah seperti Carta 14.

Carta 14: Peratusan Auditan



Audit Pengurusan Kewangan

Objektif pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk membantu dalam membuat keputusan dengan menentukan maklumat kewangan atau bukan kewangan disediakan tepat pada masanya, relevan dan boleh dipercayai. Pengauditan pengurusan kewangan adalah merangkumi enam (6) elemen utama iaitu kawalan pengurusan, pengurusan bajet, pengurusan terimaan, pengurusan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah kerajaan/akaun amanah dan deposit serta pengurusan aset dan inventori. Secara amnya pematuhan bagi elemen-elemen tersebut adalah pada tahap 67% hingga 85% yang menunjukkan masih terdapat Jabatan yang tidak mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Audit Prestasi/Kajian Khas

Pengauditan Prestasi bertujuan untuk menentukan sama ada pihak pengurusan organisasi telah menguruskan sumber secara ekonomik, cekap dan berkesan dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Sebanyak lima program dan aktiviti Jabatan telah dipilih untuk Pengauditan Prestasi dan Kajian Khas meliputi:

- 1 Bantuan Kepada *Non-Government Organisation*
- 2 Program Pelan Tindakan Desa
- 3 Perolehan Jabatan Kemajuan Orang Asli
- 4 Perolehan Jabatan Kemajuan Masyarakat
- 5 Pengurusan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

Penampilan Audit (*Audit Presence*)

Penampilan Audit dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan auditi bahawa pihak Audit sama ada Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara sentiasa memantau tahap pematuhan mereka terhadap peraturan kewangan. Pendekatan ini akan mendorong pihak auditi berusaha sentiasa mengemas kini dan mengurus hal ehwal kewangan dengan teratur. Bagi memastikan keberkesanannya, pemeriksaan secara mengejut perlu dilaksanakan.

Aspek yang disemak semasa audit ini meliputi rekod dan dokumen utama kewangan yang berkaitan dengan enam kawalan dalaman Pengurusan Kewangan. Sebanyak lima (5) PTJ telah terlibat dalam auditan ini iaitu PCN Perak, PCN Kelantan, JAKOA Negeri Sembilan/Melaka, KEMAS Negeri Sabah dan INFRA Negeri Sabah.

Siasatan Khas

Siasatan Khas dilaksanakan berdasarkan keperluan/arahan daripada pihak pengurusan seperti apabila terdapat aduan mengenai wujudnya penyimpangan peraturan kewangan, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. Lima (5) siasatan khas telah dilaksanakan yang melibatkan empat (4) Jabatan/Agensi.

Mesyuarat

Jawatankuasa Audit KKLW yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKLW telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2011. Laporan bagi 23 PTJ telah dibentangkan khususnya mengenai isu-isu berbangkit yang terdapat di dalam Laporan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara dan laporan tersebut dikemukakan kepada Perbendaharaan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pada tahun 2011, Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian Dengan Ketua-Ketua Audit Dalam Agensi (MEKADA) telah diadakan sebanyak tiga (3) kali yang dianjurkan secara bergilir oleh UAD KKLW bersama UAD Agensi. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan prestasi pengauditan, percambahan fikiran, perkongsian ilmu, lawatan projek, pendekatan pengauditan terkini dan perancangan pengauditan.

Unit *National Key Result Area (NKRA)*



Unit *National Key Result Area (NKRA)* bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar yang meliputi program JALB, BALB dan BELB di bawah Bahagian Infrastruktur, KKLW serta PBR di bawah tanggungjawab Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKLW.

PERANAN UTAMA UNIT NKRA KKLW

Mesyuarat penyelarasan dan pemantauan

Pengumpulan dan pengemaskinian data

Penyediaan Laporan NKRA kepada PEMANDU JPM, ICU JPM, Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Pengurusan Pemantauan (PMU) dan Bahagian PP, KKLW serta sebaran maklumat kepada pihak media.

Penyediaan jawapan Parlimen/maklum balas

Penyelarasan dan penyelesaian masalah

MESYUARAT UTAMA NKRA KKLW

MESYUARAT DELIVERY TASK FORCE (DTF)

YAB Timbalan Perdana Menteri

MESYUARAT NKRA LEADERSHIP TEAM (NLT)

YB Menteri KKLW

MESYUARAT PROBLEM SOLVING (PSM)

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri/Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU JPM


MESYUARAT NKRA

Ketua Setiausaha KKLW


Pencapaian

Program NKRA telah diperuntukkan sebanyak RM6,613,091,300.00 dan telah mencatat perbelanjaan sebanyak RM6,591,434,541.00 (99.7%) seperti di Carta 15. Secara keseluruhan, program-program infrastruktur asas luar bandar NKRA telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 seperti Rajah 21.

Rajah 21: Pencapaian NKRA Bagi Tahun 2011



Carta 15: Peruntukan dan Perbelanjaan NKRA Bagi Tahun 2011





Projek Menaik Taraf Jalan Air Kuning ke Batang Melaka (N18) Daerah Tampin, Negeri Sembilan



Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sambungan Talian Grid di Balik Pulau, Pulau Pinang



Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Loji Jajahan Lojing Kelantan



Projek Program Bantuan Rumah (PBR) di Simpang Pulai, Perak

Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan

Pelaksanaan Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy* - NBOS) merupakan pendekatan pelaksanaan projek melalui kerjasama pelbagai kementerian dan agensi dengan tujuan untuk mendapatkan impak yang besar, kaedah pelaksanaan yang lebih cepat dan penjimatan kos di pihak Kerajaan.

NBOS3

NBOS3 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 November 2010 yang melibatkan KKLW bagi projek PBR dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan projek BALB dengan sinergi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan ATM. Sebanyak 657 buah rumah telah berjaya dibina dengan pendekatan ini dan telah memberi manfaat kepada hampir 3,000 orang penduduk luar bandar. Bagi tahun 2011 juga, sebanyak 37 projek BALB melalui kaedah *Gravity Feed System* untuk dibekalkan kepada 1,746 buah rumah telah disiapkan yang memberi manfaat kepada hampir 10,000 penduduk di kawasan luar bandar Sarawak.


NBOS4

YAB Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan pelaksanaan Program NBOS4 semasa mempengerusikan Mesyuarat *National Strategy Execution Summit* (NSES) pada 31 Mei 2011. Di bawah NBOS4, Kerajaan akan melaksanakan penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre* - RTC) di beberapa lokasi yang berpotensi di seluruh negara.

RTC akan berfungsi sebagai pemacu dan pelengkap kepada Program Transformasi Luar Bandar yang bertujuan untuk mempercepatkan peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Ke arah pencapaian matlamat tersebut, tindakan telah digembeling melalui projek perintis RTC Perak - Terminal Agribisnes

Negara (TEMAN) Gopeng, Perak. Berkonsepkan “1 Hentian Pelbagai Perkhidmatan”, RTC ini menjadi pusat integrasi perkhidmatan melibatkan kerjasama pelbagai kementerian di bawah NBOS4 dengan skop pelaksanaan lapan (8) inisiatif yang mensasarkan penduduk luar bandar dalam liputan 100km radius daripada Kompleks RTC.

Rajah 22: 8 Inisiatif NBOS4



Bagi memastikan keberkesanan pendekatan ini, Mini RTC telah dilaksanakan sebagai mekanisme pelengkap untuk menyokong pelaksanaan program-program di RTC utama. Bagi peringkat ini, kampung-kampung yang mempunyai kemudahan Medan Infodesa (MID)/Pusat Internet Desa (PID) dipilih sebagai Mini RTC untuk dijadikan sebagai model kampung moden yang kemudiannya akan diperluaskan kepada kampung-kampung yang lain. Melalui penubuhan RTC ini, penduduk luar bandar dijangka akan dapat meningkatkan kualiti kehidupan melalui penjana pendapatan, penciptaan peluang pekerjaan baru, peningkatan kemahiran dan pengetahuan dan penyediaan platform yang selesa dan menarik untuk generasi muda luar bandar.

Unit Model Baru Ekonomi (MBE)

Pelancaran MBELB

Menteri KKLW telah melancarkan Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB) pada 3 Mei 2011 sebagai langkah responsif kepada Program Transformasi Ekonomi (PTE) dan Model Baru Ekonomi (MBE) yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengangkat Pendapatan Negara Kasar (PNK) kepada RM48,000.00 pada tahun 2020. Sebanyak 17 inisiatif ekonomi telah dikenal pasti berpotensi bagi memacu pertumbuhan sektor luar bandar supaya bersaing seiring dengan bandar ke arah pencapaian sasaran tersebut.



Lawatan/sindikasi bersama Jabatan/Agensi Kerajaan serta pihak Swasta dilaksanakan secara berterusan dalam usaha menggerakkan pelaksanaan inisiatif ekonomi di bawah MBELB. Selain daripada itu, Seminar Pembangunan Daerah, Seminar MBELB Negeri Johor dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan INTAN Wilayah Selatan (IKWAS), KUD dan Siri Bengkel Pelan Tindakan Desa (PTD) merupakan platform bagi perkongsian kerangka dan pelan tindakan pembangunan MBELB. Maklumat ringkas pencapaian MBELB adalah seperti di **Rajah 23** berikut:

Rajah 23: Fokus Pelaksanaan dan Pencapaian MBELB



10

10 inisiatif ekonomi dikaji secara berterusan dengan 4 pendekatan strategik yang berteraskan sistem rantaian nilai secara menyeluruh

2

2 projek permulaan sebagai Model Inisiatif Walit dilaksanakan dalam usaha mengoptimumkan penggunaan tanah

1

1 projek permulaan sebagai Model Inisiatif Cassava dimulakan bagi meneroka aktiviti ekonomi bernilai tinggi dengan pendekatan usahasama guna tanah

1

1 projek permulaan sebagai Model Inisiatif Fertigasi Berintegriti Pelancongan telah disyorkan

3

3 potensi ekonomi baru diteroka dalam usaha mewujudkan aktiviti ekonomi nilai tambah berteraskan penjimatan kos, produk premium dan teknologi binaan

Unit Ministerial Key Result Area (MKRA)

Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators - KPIs*) YB Menteri (*Ministerial Key Result Area - MKRA*) tahun 2011 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2010. Pencapaian ini berserta pencapaian utama, khususnya NKRA turut dilaporkan kepada YAB Perdana Menteri dan PEMANDU JPM dalam bentuk *Scorecard* YB Menteri.



SCORECARD YB MENTERI KKLW

Scorecard YB Menteri merupakan pelaporan pencapaian KPT yang melibatkan NKRA dan MKRA yang diselaraskan oleh PEMANDU JPM semenjak 2010.

TAHUN	NKRA/MKRA -KPI-	90% - 100% dan ke atas	51% - 89%	<50%
	16	15	1	0
MKRA	6	6	0	0

Pencapaian MKRA 2011

MKRA 1



Meningkatkan hasil getah sebanyak 1500kg/hek/tahun

MKRA 2



Meningkatkan sebanyak 12% (158 pelajar) OA melanjutkan pelajaran ke IPT tempatan

MKRA 3



Meningkatkan sumbangan sebanyak 30.8% kepada guna tenaga negara dalam bidang teknikal dan teknologi



Meningkatkan hasil sawit sebanyak 17.5mt/hek/tahun



Meningkatkan sebanyak 10% (8 pelajar) OA bagi program persediaan ke IPT luar negara



Meningkatkan penajaan sebanyak 1225 pelajar ke peringkat Sarjana dan PhD dalam bidang strategik

Pencapaian NKRA 2011



112%

Program Jalan Luar Bandar



100%

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar



126%

Program Bekalan Air Luar Bandar



157%

Program Bantuan Rumah

Unit Perundangan

Aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2011:

- i. Melaksanakan semakan ke atas lebih 300 Perjanjian pelantikan perunding yang dikemukakan.
- ii. Menghadiri Persidangan Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara.
- iii. Terlibat dalam Bengkel Semakan Kontrak Penyewaan Ruang Pejabat bersama KEMAS.

Unit Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat (UKK) memainkan peranan dalam membantu memberikan publisiti dan promosi meluas mengenai aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh KKLW. Aktiviti utama KKLW pada tahun ini adalah perasmian Karnival Usahawan Desa 2011, Anugerah Desa Cemerlang dan pelancaran Media Blitz NKRA KKLW. Pelbagai promosi dan publisiti media elektronik serta cetak telah dilaksanakan seperti **Jadual 38** berikut:

Jadual 38: Aktiviti Promosi dan Publisiti Tahun 2011

BIL.	AKTIVITI/PROJEK	PENCAPAIAN
1.	PENERBITAN VISUAL	
i.	Perkhidmatan rekaan konsep dan pemprosesan penyuntingan video untuk program KKLW	1 kali
ii.	Perkhidmatan memproses rakaman video untuk dokumentasi	85 kali
iii.	Menerbitkan e-book Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar	1 kali
2.	PENERBITAN CETAK	
i.	Cetakan Laporan Tahunan 2010	1 kali
ii.	Cetakan Buku Kecil	3 kali
iii.	Cetakan Risalah	3 kali
iv.	Cetakan Bahan Promosi	3 kali
v.	Cetakan Poster	4 kali
vi.	Cetakan Buku Panduan Telefon	1 kali
vii.	Cetakan Paper Bag	4 kali
viii.	Cetakan Banner	4 kali
ix.	Cetakan Penant/Bunting	4 kali
3.	PENYELARASAN MESYUARAT DI BAWAH UKK	
i.	Mesyuarat PRO	1 kali
ii.	Mesyuarat Jawatan Kuasa Tetap Aduan (JKTPA)	4 kali
iii.	Mesyuarat/Bengkel Sidang Redaksi Laporan Tahunan 2010 KKLW	5 kali
4.	PROGRAM PROMOSI DAN PUBLISITI	
i.	Perkhidmatan Produksi Video Komersial (TVC) dan <i>sound slide</i>	3 kali
ii.	Perkhidmatan Produksi iklan <i>jingle</i>	6 kali
iii.	Perkhidmatan <i>airtime</i> iklan <i>jingle</i>	2 kali
iv.	Perkhidmatan iklan sisipan khas NKRA	2 kali
v.	Perkhidmatan iklan sisipan Warta Desa	12 keluaran
vi.	Perkhidmatan iklan <i>Printing Advertising</i>	3 kali
5.	PROGRAM KOMUNIKASI BERSEMUKA	
i.	Taklimat kepada penduduk/pelawat ke KKLW	7 kali
ii.	Pameran Kaunter Khidmat Pelanggan	8 kali
iii.	Lawatan Delegasi Luar Negara	8 kali

UKK juga telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Komunikasi KKLW yang mengandungi gerak kerja promosi aktiviti/program KKLW secara bersepadu antara Kementerian/Jabatan/Agensi. Selain itu, UKK telah berjaya menyelesaikan aduan berkaitan KKLW dengan jayanya dan telah mendapat penghargaan di atas pencapaian cemerlang tersebut.

AKTIVITI UKK 2011



Penglibatan Peserta Bengkel Laporan Tahunan 2010



Retreat UKK yang diadakan di Langkawi, Kedah



Majlis Pelancaran Media Blitz NKRA KKLW yang diurusetikan oleh UKK



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almahrum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah mencemar duli menyaksikan pameran UKK sempena Perasmian Bangunan Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS (PKM) di Gopeng, Perak sambil diperhatikan oleh Menteri Kemanjuaan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Mohd. Shafie Bin Apdal dan Menteri Besar Perak



